

PENGLIBATAN TUNKU PANGLIMA RAJA BERKAT DALAM POLITIK DAN PENTADBIRAN NEGERI SELANGOR PADA ABAD KE-19

Ahmad Farhan Abdullah@Zakaria*

Pengenalan

Tunku Panglima Raja Berkat adalah keturunan kerabat diraja Selangor dari susur galur Raja Husain ibni Sultan Ibrahim ibni Sultan Salehuddin ibni Daeng Chelak ibni Daeng Rilekkek ibni La Madusalat. Sepanjang tempoh kehidupan Tunku Panglima Raja Berkat di Selangor, beliau mengalami dua tempoh pentadbiran; tempoh pentadbiran diraja, dan tempoh pentadbiran British (1874-1887). Artikel ini cuba mengupas sejauh manakah reaksi golongan diraja, dan pegawai British terhadap peranan Tunku Panglima Raja Berkat sebagai penghulu Kanchong, dan ahli Majlis Mesyuarat Negeri Selangor? Juga sejauh manakah reaksi Tunku Panglima Raja Berkat terhadap pentadbiran British di negeri Selangor? Juga sejauh manakah hubungan Tunku Panglima Raja Berkat dengan Sultan Abdul Samad, kerabat diraja, dan pegawai British sepanjang kehidupan beliau di Selangor pada abad ke-19?

Riwayat Hidup Tunku Panglima Raja Berkat ibni Raja Husain

Tunku Panglima Raja Berkat adalah putera Raja Husain ibni Sultan Ibrahim ibni Sultan Salehuddin ibni Daeng Chelak ibni Daeng Rilekkek ibni La Madusalat.¹ Tunku Panglima Raja Berkat turut dikenali sebagai Raja Mat Saman. Gelaran panggilan terhadap Tunku Panglima Raja Berkat adalah Tunku Panglima Raja.² Menurut Emily Innes, Tunku Panglima Raja Berkat adalah seorang tua yang segak.³

Tunku Panglima Raja Berkat adalah sepupu, dan adik ipar Sultan Abdul Samad ibni Raja Abdullah ibni Sultan Ibrahim ibni Sultan Salehuddin ibni Daeng Chelak ibni Daeng Rilekkek ibni La Madusalat.⁴ Mereka adalah dari susur galur yang sangat dekat

* Penulis ialah calon Sarjana Sastera (Sejarah Malaysia), Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

1 Keturunan Tunku Panglima Raja Berkat dibincangkan dalam J. M. Gullick, *A History of Selangor 1766-1939*, Kuala Lumpur: Falcon Press Sdn Bhd., 1998, hlm. 141 dan 142.

2 *The Selangor Journal: Jotting Past and Present*, Vol. IV, Malay Jottings, 15 May 1896.

3 Emily Innes, *The Chersonese with the Gilding Off*, London: Richard Bentley and Son, 1885, hlm. 100.

4 CO 276/19, Annual Report on the State of Selangor for the Year 1887.

kerana Raja Abdullah, ayahanda Sultan Abdul Samad, dan Raja Husain, ayahanda Tunku Panglima Raja Berkat adalah adik-beradik tetapi berlainan ibu. Mereka adalah putera Sultan Ibrahim, Sultan Selangor ke-2: Sultan Ibrahim berkahwin dengan Encik Shaima, dan melahirkan Raja Abdullah, dan Sultan Ibrahim berkahwin dengan Raja Tengah binti Raja Haji ibni Daeng Chelak ibni Daeng Rilekkek ibni La Madusalat, dan melahirkan Raja Husain. Perkahwinan ini menunjukkan bahawa Tunku Panglima Raja Berkat ibni Raja Hussain, dan Sultan Abdul Samad ibni Raja Abdullah adalah cucu Sultan Ibrahim.

Sultan Ibrahim, datuknenda Tunku Panglima Raja Berkat, dan Sultan Abdul Samad adalah Sultan Selangor ke-2 yang berpandangan jauh, dan pengusaha bijih timah yang berjaya. Sultan Ibrahim ialah putera sulung Sultan Salehuddin, Sultan Selangor pertama.⁵ Sebelum Sultan Ibrahim dilantik sebagai Sultan Selangor ke-2, sepanjang pemerintahan Sultan Salehuddin, baginda dilantik sebagai Raja Muda Selangor pertama. Selepas kemangkatan Sultan Salehuddin pada tahun 1872, Sultan Ibrahim dilantik, dan ditabalkan sebagai Sultan Selangor ke-2 oleh Raja Haji ibni Daeng Chelak ibni Daeng Rilekkek ibni La Madusalat, bapa saudara baginda.

Selepas Sultan Ibrahim dilantik sebagai Sultan Selangor ke-2, baginda berusaha memperluaskan kerajaan baginda. Sultan Ibrahim bertindak sedemikian kerana berhasrat meneruskan kesinambungan yang dilaksanakan oleh ayahanda baginda. Sultan Ibrahim berjaya memperluaskan kerajaan baginda, berpusat di Kuala Selangor; ke bahagian utara sehingga ke Sungai Perak, dan ke bahagian selatan sehingga ke Sungai Linggi.⁶

Sultan Ibrahim melantik Raja Hassan ibni Raja Muda Nala, anak saudara baginda sebagai pembesar di Hilir Perak. Raja Hassan dilantik sebagai pembesar di Sungai Perak, dan berpusat di Sungai Bidor. Namun begitu, Raja Hassan dilantik sebagai pembesar di sini hanya buat sementara waktu sahaja kerana beliau dihalau oleh kerajaan Perak dalam satu perjanjian dikenali Perjanjian Anderson 1825.⁷ Sultan Ibrahim turut melantik putera baginda sebagai pembesar iaitu Raja Muda Muhammad. Raja Husain tidak diketahui sama ada beliau dilantik sebagai pembesar atau tidak. Namun begitu, nama Raja Husain dan

5 CO 717/117, Memorial Presented on Behalf of His Highness Tungku Badar Shah, Tungku Panglima Besar of Selangor, Concerning His Right and Claim to be Appointed Raja Muda of Selangor, 15 April 1936, dan SP 79/2, Mahidin bin Mohd Rashad, Sejarah Dato' Ungku Kelang Dengan Negeri Selangor.

6 Kuala Perak; Sultan Ibrahim bersama-sama sepupu baginda terdiri daripada kerabat diraja Bugis-Riau iaitu Raja Jaafar, Raja Idris, dan Raja Ahmad, putera baginda iaitu Raja Muhammad, Raja Ismail, dan Raja Abdullah dan anak saudara baginda iaitu Raja Hassan ibni Raja Muda Nala menyerang, dan menguasai Hilir Perak pada tahun 1804. Kuala Linggi; Raja Haji adalah ketua orang Bugis di sini, dan bapa saudara Sultan Ibrahim. Mereka bersama-sama menentang Belanda di Melaka. Selepas kemangkatan Raja Haji, Sungai Linggi dijadikan jajahan kerajaan Selangor. Untuk keterangan lanjut, lihat dalam Khoo Kay Kim, *The Western Malay States 1850-1873: The Effects of Commercial Development on Malay Politics*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1972, hlm. 36.

7 SSR/Letters to Native Rulers/G.7. October 1867-February 1872, From Sultan Perak to Governor Strait Settlements, Penang Gazette of 19th April 1873, Treaties with Perak, No. XC, CO 882/2, Inclosure 1 in No. 31, Memorandum Respecting the Relations of the British Government with the Independent States of the Malayan Peninsula, 8 September 1873, CO 882/2, Inclosure 1 in No. 84, Old Treaties with Salangor, *Treaties and Engagements, Entered Into With or Affecting, The Native States of the Malayan Peninsula*, Part II, Treaties with Perak, Salangore, and the States Near Malacca, Singapore: The Straits Times Press, 1877, Perak 1825, Treaty with Perak 1825, hlm. 6, dan *Treaties and Engagements, Entered Into With or Affecting, The Native States of the Malayan Peninsula*, Part II, Treaties with Perak, Salangore, and the States Near Malacca, Singapore: The Straits Times Press, 1877, Salangore Treaties, Salangore 1825, 20th August 1825, hlm. 26.

Raja Abdullah tercatat dalam perselisihan faham antara Selangor dan Perak pada awal abad ke-19.

Raja Muhammad ialah putera Sultan Ibrahim dengan Cik Long Halijah binti Daeng Loklok Hussain ibni Daeng Pajung ibni La Madusalat.⁸ Selepas kemangkatan Raja Muda Nala, adinda Sultan Ibrahim, dan Raja Muda Abu Said, putera kedua baginda dengan Raja Andak binti Daeng Kemboja, Raja Muhammad, putera ketiga baginda, dipilih, dan dilantik sebagai Raja Muda Selangor ke-4.⁹ Raja Muhammad memakai gelaran sebagai Raja Muda Muhammad. Raja Muda Muhammad dilantik sebagai pembesar di Sungai Bernam oleh Sultan Ibrahim. Selepas kemangkatan Sultan Ibrahim pada 27 Oktober 1826, Raja Muda Muhammad dilantik sebagai Sultan Selangor ke-3, dan memakai gelaran sebagai Sultan Muhammad.¹⁰ Ketika pemerintahan Sultan Muhammad, baginda melantik Raja Abdullah sebagai pembesar di Sungai Langat, dan menganugerahkan gelaran Tengku Panglima Besar Selangor pada beliau. Pada 6 Januari 1857, Sultan Muhammad mangkat, dan dimakamkan di Bukit Malawati, Kuala Selangor. Selepas kemangkatan tersebut, Tengku Panglima Besar Raja Abdul Samad dilantik, dan ditabalkan sebagai Sultan Selangor ke-4 pada tarikh tersebut.¹¹

Ketika pemerintahan Sultan Abdul Samad, Tunku Panglima Raja Berkat dilantik sebagai Tunku Panglima Raja Selangor.¹² Tunku Panglima Raja Berkat adalah sangat dekat, dan rapat dengan Sultan Abdul Samad.¹³ Tunku Panglima Raja Berkat adalah bapa mentua Raja Muda Musa. Raja Muda Musa berkahwin dengan Raja Buntal, puteri Tunku Panglima Raja Berkat. Tunku Panglima Raja Berkat berkahwin dengan Raja Lebar, adinda Sultan Abdul Samad, dan puteri Tengku Panglima Besar Raja Abdullah. Perkahwinan ini menunjukkan Tunku Panglima Raja Berkat adalah adik ipar Sultan Abdul Samad.

Hasil daripada perkahwinan Tunku Panglima Raja Berkat dengan Raja Lebar, mereka mendapat dua putera, dan empat puteri. Dua putera; Raja Mahmud dan Raja Abdul Manan.¹⁴ Empat puteri; Raja Embut Long, Raja Buntal Raimah, Raja Muntill dan Raja Alipa.¹⁵

8 SP 212/12, Jeffrey Finestone, Salasilah Keturunan Sultan, Waris, dan Kerabat diraja Negeri Selangor Darul Ehsan, dan Khoo Kay Kim, "The Orang Besar-Besar of Selangor", *Malaysia in History*, Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia, Vol. XVIII, Number 2, Disember 1975. hlm. 44.

9 *Pejabat Sultan Selangor*/ARB 31, Salasilah 13 Keturunan Kerabat Raja (Sir) Tun Uda al Haj bin Raja Muhammad, 1 Februari 1992.

10 SP 38/21, Tan Sri Datuk Haji Mubin Sheppard, Salasilah Keturunan Sultan Selangor (1723-1898).

11 *Pejabat DYMM Sultan Perak*, Salasilah-salasilah Keturunan Raja-raja Pemerintah Negeri-negeri Tanah Melayu Malaysia.

12 SSF/KL 1031/89, Recommends that Raja Mahmud be Appointed Tunku Panglima Besar with an Allowance of \$100 Per Month.

13 CO 276/19, Annual Report on the State of Selangor for the Year 1887.

14 Raja Abdul Manan mangkat pada 5 petang, 5 September 1914. Raja Abdul Manan mangkat di rumah Raja Mohamed Zahir, menantunya di Kajang. Raja Haji Mahmud mangkat pada 10 malam, 5 November 1919, dan dimakamkan di Perkuburan Simpang Lima, Klang. Untuk keterangan lanjut, lihat dalam Khoo Kay Kim, *The Western Malay States, 1850-1873: The Effect of Commercial Development on Malay Politics*, Oxford: Oxford University Press, 1972, hlm. 179. SSF/SECRETARIAT SELANGOR 4404/1914, Death of Raja Manan bin Tengku Panglima Raja Ex Penghulu of Sepang, dan SSF/SEL: SEC: 4615/1919, Raja Haji Mahmud, Medicate Certificate-Death of:-.

15 Menurut laporan D. G. Campbell pada Februari 1889, nama Raja Alipa dinyatakan dalam laporan tersebut. Pada 3 Februari 1889, Campbell berjumpa dengan Raja Alipa, dan Raja Mahmud, dan berbincang mengenai kebun di Sepang Kecil. Untuk keterangan lanjut, lihat dalam SSF/LANGAT 1129/89, Journal for February.

Selepas campur tangan British dalam pentadbiran Selangor pada tahun 1874, Raja Mahmud (1875), dan Raja Abdul Manan (1883) dilantik sebagai penghulu di Sepang.

Ketika zaman muda, Tunku Panglima Raja Berkat, dan Sultan Abdul Samad sering bersama-sama melaksanakan aktiviti di Selangor. Mereka adalah panglima handal kerana masing-masing membunuh seramai 40 orang (Tunku Panglima Raja Berkat), dan 99 orang (Sultan Abdul Samad).¹⁶ Ketika Sultan Abdul Samad sebagai Sultan Selangor ke-4, Tunku Panglima Raja Berkat dilantik sebagai Panglima Perang baginda. Pelantikan tersebut dilaksanakan kerana Sultan Abdul Samad mempercayai Tunku Panglima Raja Berkat.

Ketika Perang Klang berlangsung antara tahun 1866-1874, Tunku Panglima Raja Berkat turut terlibat tetapi penglibatan beliau tidak begitu ketara. Tunku Panglima Raja Berkat memihak kepada Raja Mahadi.¹⁷ Raja Mahadi adalah anak saudara Tunku Panglima Raja Berkat. Perang Klang adalah berpunca daripada perselisihan faham antara Raja Mahadi dengan Raja Abdullah. Misalnya, pada tahun 1871, Kuala Selangor dikuasai oleh Raja Mahadi, dan beliau bersama-sama Syed Masahor, anak saudara Sultan Abdul Samad, Raja Mahmud, dan Tunku Panglima Raja Berkat di sini.¹⁸

Selepas Raja Mahadi, dan pakatan beliau kalah, Raja Mahadi, dan Raja Mahmud mengundurkan diri ke Sungai Ujong. Menurut catatan F. A. Swettenham pada 28 Ogos 1874, ura-ura menyatakan bahawa Tunku Panglima Raja Berkat mengundurkan diri ke Sumatera bersama-sama keluarganya.¹⁹ Namun begitu, pada 27 September 1874, menurut catatan F. A. Swettenham menyatakan bahawa Tunku Panglima Raja Berkat berada di Tampoi, Kuala Langat.²⁰ Tambahan lagi, Tunku Panglima Raja Berkat menghadap Sultan Abdul Samad di Bukit Jugra pada 18 September 1874.

Ketika Tunku Panglima Raja Berkat menetap di Tampoi, pada 29 September 1874, Raja Muda Musa datang berjumpa, dan berbincang dengan beliau di sini. Dalam perbincangan tersebut, Tunku Panglima Raja Berkat berhasrat menyerah diri. Menurut catatan Swettenham, kenyataan Tunku Panglima Raja Berkat adalah seperti berikut “*he wanted to make peace and would now throw himself entirely into our hands if the Sultan would allow him*”.²¹

Menurut laporan Swettenham, Penolong Residen British Selangor bertarikh 7 April 1875, Tunku Panglima Raja Berkat menyatakan bahawa beliau tidak terlibat secara langsung dalam perang tersebut lagi.²² Namun begitu, Raja Mahmud, putera Tunku Panglima Raja Berkat terlibat secara langsung dalam perang tersebut. Swettenham memberitahu Tunku Panglima Raja Berkat supaya menasihati Raja Mahmud agar tidak terlibat lagi dalam perang tersebut. Swettenham menyatakan dalam laporannya bahawa sepanjang perang tersebut, Tunku Panglima Raja Berkat menguruskan kebun beliau di Sungai Seluling, berhampiran dengan Bukit Jugra.

16 P. L. Burns dan C. D. Cowan (Editors), *Sir Frank Swettenham's Malayan Journals 1874-1876*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1975, hlm. 145.

17 C 466 of 1872/Inclosure 2 in No. 7., Rajah Mahdie's Partisans, Without Date.

18 Buyong Adil, *Sejarah Selangor*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1971, hlm. 90.

19 P. L. Burns dan C. D. Cowan (Editors), *Sir Frank Swettenham's Malayan Journals 1874-1876*, hlm. 119.

20 Ibid., hlm. 129.

21 Ibid., hlm. 131.

22 SSF/SER. No. 97. Debt Slavery Papers 1875.

Pada tahun 1874, British berjaya campur tangan dalam pentadbiran Selangor, dan memperkenalkan sistem Residen di sini. Menurut Sir Andrew Clarke, Gabenor Negeri-negeri Selat ke-9, punca British campur tangan adalah membasmi Perlanungan di Selangor.²³ Namun begitu, membasmi Perlanungan adalah alasan semata-mata yang digunakan oleh British. Pada hakikatnya, British berniat campur tangan dalam pentadbiran Negeri-negeri Melayu kerana terdapat dua sebab iaitu: pertama; British takut terhadap kuasa Barat lain seperti Jerman, dan Perancis campur tangan terlebih dahulu dalam pentadbiran Negeri-negeri Melayu, dan kedua; British berhasrat menjaga kepentingan ekonomi dalam Negeri-negeri Melayu seperti Selangor, dan Perak. Selepas campur tangan British dalam pentadbiran Negeri-negeri Melayu, Selangor (1874), Perak (1874), Negeri Sembilan (Sungai Ujong; 1875, Rembau, Johol, Jelebu, dan selebihnya; 1886, dan Negeri Sembilan; 1895), dan Pahang (1888) dikenali sebagai Negeri-negeri Lindungan British.²⁴

Selepas campur tangan British dalam pentadbiran Selangor pada tahun 1874, sistem Residen British diperkenalkan di Selangor. Sultan Abdul Samad menyenangi terhadap sistem ini dan berhasrat kerajaan baginda menjadi lebih maju.²⁵ Sultan Abdul Samad berhasrat sedemikian kerana berharap memberi kesenangan kepada kerabat diraja Selangor, dan penduduk tempatan di Selangor. Sultan Abdul Samad berhasrat bahawa British membenarkan kerabat diraja Selangor berkhidmat dalam pentadbiran di sini. Misalnya, jawatan penghulu yang kebanyakannya dijabat oleh kerabat diraja Selangor. Antaranya ialah Tunku Panglima Raja Berkat yang dilantik sebagai penghulu Kanchong pada tahun 1875-1887.

Pada tahun 1877, satu perbadanan ditubuhkan oleh British iaitu Majlis Mesyuarat Negeri Selangor. Tujuannya adalah menyeragamkan pentadbiran British di Selangor dalam aspek legislatif, dan eksekutif. Majlis Mesyuarat Negeri Selangor berkuat kuasa pada bulan Mac 1877. Dalam Majlis Mesyuarat Negeri Selangor ke-2, Tunku Panglima Raja Berkat dilantik sebagai ahli majlis ini. Tunku Panglima Raja Berkat dilantik sebagai ahli Majlis Mesyuarat Negeri Selangor sehingga kemangkatan beliau pada tahun 1887. Perjalanan Tunku Panglima Raja Berkat sebagai ahli Majlis Mesyuarat Negeri Selangor mengalami konflik pada tahun 1878. Konflik tersebut adalah Tunku Panglima Raja Berkat dilucutkan jawatan beliau oleh W. B. Douglas, Residen British Selangor ke-2.

Tunku Panglima Raja Berkat mangkat pada 10 pagi, 1 Disember 1887 di Bukit Jugra, Kuala Langat.²⁶ Selepas kemangkatan tersebut, J. P. Rodger, Pemangku Residen Selangor mengarahkan G. C. Bellamy melaporkan kemangkatan Tunku Panglima Raja Berkat kepada Raja Mahmud pada 2 Disember 1887.²⁷ J. P. Rodger turut mengarahkan Bellamy

23 R. H. Vetch, (Edited), *Life of Lieut.-General the Hon. Sir Andrew Clarke*, London: John Murray, 1905, hlm. 156.

24 CO 576/1, Annual Report for the Year 1900 on the Federated Malay States.

25 Untuk keterangan lanjut, lihat dalam CO 276/5, Proclamation by Sultan Abdul Samad, 18 November 1874, CO 276/6, From Frank A. Swettenham to T. Braddell, 18 December 1874, *The Selangor Journal: Jotting Past and Present*, Vol. IV, What Can We Do for the Malay?, 20 March 1896, dan *The Straits Times*, 27 March 1875.

26 SSF/LANGAT 3036/87, Reports That Death of Tunku Panglima Raja.

27 SSF/KL 3041/87, Announcing the Death of Tunku Panglima Raja.

melaporkan kemangkatan Tunku Panglima Raja Berkat kepada Raja Abdul Manan pada 7 Disember 1887.²⁸

Jawatan Tunku Panglima Raja Selangor dan Panglima Perang Sultan Abdul Samad

Sejak tahun 1766-1898, gelaran diraja yang dipakai dalam Kesultanan Selangor berdasarkan hierarki adalah:

1. Sultan Selangor
2. Raja Muda Selangor
3. Tengku Panglima Besar Selangor

Ketika Sultan Abdul Samad sebagai Sultan Selangor ke-4, baginda melantik Raja Berkat sebagai Tunku Panglima Raja Selangor.²⁹ Tunku Panglima Raja Selangor adalah jawatan hanya dipegang oleh Tunku Panglima Raja Berkat.³⁰ Selepas kemangkatan Tunku Panglima Raja Berkat, gelaran ini tidak digunakan lagi oleh kerabat diraja Selangor lain. Pada hakikatnya, gelaran Tunku Panglima Raja Selangor adalah serupa dengan gelaran Tengku Panglima Besar Selangor. Namun begitu, Tunku Panglima Raja Berkat menggunakan gelaran Tunku Panglima Raja kerana beliau berhasrat mengikut cara tersendiri. Sultan Abdul Samad memperkenankan tindakan tersebut. Selepas kemangkatan Tunku Panglima Raja Berkat, British, dan Sultan Abdul Samad melantik Raja Mahmud sebagai Tengku Panglima Besar Selangor. Pelantikan tersebut dilaksanakan sebagai satu kesinambungan mewariskan gelaran tersebut kepada putera Tunku Panglima Raja Berkat iaitu Raja Mahmud.³¹

Menurut cop mohor Sultan Abdul Samad, Raja Abdullah, ayahanda baginda turut memakai gelaran sebagai Tengku Panglima Besar Selangor. Raja Abdullah dianugerahkan gelaran diraja Tengku Panglima Besar Selangor oleh Sultan Muhammad pada tahun 1826. Tambahan lagi, sebelum Sultan Abdul Samad dilantik sebagai Sultan Selangor ke-4, baginda turut memakai gelaran sebagai Tengku Panglima Besar Selangor

-
- 28 Raja Abdul Manan adalah putera Tunku Panglima Raja Berkat, dan adinda Raja Mahmud. Untuk keterangan lanjut, lihat dalam *SSF/MISC 3077/87*, Announces the Death of His Father Tunku Panglima Raja, dan *SSF/CS 109/75*, Re-Removal of the Family of the Raja Mahmood bin Tunku Panglima Raja from that Place (Langat) to Singapore.
- 29 Gelaran Tunku Panglima Raja disenaraikan dalam gelaran diraja Selangor. Untuk keterangan lanjut, lihat dalam Perpustakaan Negara Malaysia, *Senarai Gelaran Melayu*, Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia, 1989, hlm. 16, *Minutes of Selangor Council/1486/80*, Minutes of the 56th Meeting of the State Council Held at Jugra on Saturday, July 16th, 1887, dan J. M. Gullick, *Sistem Politik Bumiputera Tanah Melayu Barat*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1970, hlm. 150.
- 30 *SSF/SECRETARIAT SELANGOR 4379/1919*, Raja Haji Mahmud M. C.-Personal Name of His Father, dan *Pejabat Sultan Selangor*, Sejarah Ringkas Pengurnian Pangkat, dan Pemasyhuran Gelaran Serta Istiadat Menjunjung Duli Pembesar-pembesar Istana, dan Daerah di Negeri Selangor Darul Ehsan, 2005.
- 31 Raja Mahmud adalah putera tua Tunku Panglima Raja Berkat. Untuk keterangan lanjut, lihat dalam *SSF/SER*, No. 97, Debt Slavery Papers 1875.

pada tahun 1844.³² Selepas Sultan Abdul Samad dilantik sebagai Sultan Selangor ke-4, baginda melantik Tunku Panglima Raja Berkat sebagai Tengku Panglima Besar Selangor. Namun begitu, mengikut kesesuaian Tunku Panglima Raja Berkat, beliau memendekkan sebagai Tunku Panglima Raja.

Tunku Panglima Raja Berkat turut dilantik sebagai Panglima Perang Sultan Abdul Samad.³³ Tunku Panglima Raja Berkat adalah seorang yang mahir dalam ilmu seni pertahankan diri. Misalnya, Tunku Panglima Raja Berkat pernah membunuh seramai 40 orang dengan kerisnya sendiri. Tunku Panglima Raja Berkat turut terlibat dalam Perang Klang (1866-1874). Sebagai tambahan, Sultan Abdul Samad juga adalah seorang yang hebat dalam ilmu seni pertahankan diri. Misalnya, Sultan Abdul Samad pernah membunuh seramai 99 orang dengan keris pertama dimiliki oleh baginda.

Hubungan Raja Berkat dengan Sultan Abdul Samad dan kerabat diraja Selangor

Hubungan Tunku Panglima Raja Berkat adalah begitu rapat dengan Sultan Abdul Samad kerana beliau adalah sepupu, dan adik ipar baginda. Sebagai sepupu, ayahanda Tunku Panglima Raja Berkat, dan ayahanda Sultan Abdul Samad adalah adik beradik berlainan ibu tetapi satu ayah iaitu Sultan Ibrahim.³⁴ Sebagai adik ipar, Tunku Panglima Raja berkahwin dengan Raja Lebar, puteri Raja Abdullah, dan adinda Sultan Abdul Samad.³⁵

Sejak dari usia muda, hubungan Tunku Panglima Raja Berkat, dan Sultan Abdul Samad adalah rapat. Hubungan ini berkekalan sehingga kemangkatan Tunku Panglima Raja Berkat pada tahun 1887. Kehilangan Tunku Panglima Raja Berkat menyebabkan Sultan Abdul Samad sedih kerana beliau adalah sahabat baginda yang paling rapat. Sepanjang Tunku Panglima Raja Berkat, dan Sultan Abdul Samad bersama, mereka sememangnya menjalinkan hubungan yang positif tetapi terdapat juga hubungan yang negatif.

Perkara positif, ketika Tunku Panglima Raja Berkat, dan Sultan Abdul Samad masih muda, mereka bersama-sama menjadi pahlawan, dan bekerjasama antara satu sama lain. Menurut pendapat masyarakat Mandailing, Tunku Panglima Raja Berkat bersama-sama Raja Berayun berjaya membantu Sultan Abdul Samad mengukuhkan kedudukan

32 Selepas Sultan Abdul Samad berkahwin dengan Raja Atfah binti Sultan Muhammad pada tahun 1844, baginda dianugerahkan gelaran sebagai Tengku Panglima Besar Selangor. Sultan Abdul Samad turut dianugerahkan daerah Hulu Selangor dan mengusahakan kawasan perlombongan bijih timah di sini. Sultan Abdul Samad adalah seorang pengusaha bijih timah berjaya seperti Raja Jumaat, dan Raja Abdullah. Untuk keterangan lanjut, lihat dalam Ismail bin Abdul Hamid, "Sejarah Serendah 1880-1940", *Purba*, Kuala Lumpur: Persatuan Muzium Malaysia, Bilangan 9, 1990, hlm. 3 dan C. D. Cowan, *Tanah Melayu Kurun Kesembilan-Belas Asal Usul Penguasaan Politik British*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1970, hlm. 93.

33 J. M. Gullick, *Malay Society in the Late Nineteenth Century*, Singapore: Oxford University Press, 1991, hlm. 81.

34 *The Selangor Journal: Jotting Past and Present*, Vol. III, Genealogical Table of the Royal Family of Selangor, 2 Novembr 1894.

35 Abdul Samad Ahmad (disusun dan disunting), *Pesaka Selangor*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1966, hlm. 61.

baginda sebagai Sultan Selangor ke-4.³⁶ Seterusnya, Tunku Panglima Raja Berkat menemani Sultan Abdul Samad melawat beberapa tempat di daerah Selangor terdiri daripada Kuala Lumpur, Hulu Klang, Kajang, dan Reko pada bulan Mac 1879.³⁷

Perkara negatif pula, Sultan Abdul Samad memaklumkan kepada Douglas mengenai tingkah laku Tunku Panglima Raja Berkat yang kurang memuaskan pada 15 Disember 1880. Sultan Abdul Samad bertindak sedemikian kerana Tunku Panglima Raja Berkat tidak melaporkan sebarang aktiviti beliau kepada baginda mahupun Residen British Selangor.³⁸ Sultan Abdul Samad berhasrat Douglas memaklumkan pula kepada Tunku Panglima Raja Berkat mengenai perkara tersebut. Sultan Abdul Samad turut memaklumkan supaya Tunku Panglima Raja Berkat tidak akan membuat lagi perkara tersebut pada masa hadapan.

Hubungan Tunku Panglima Raja Berkat dengan kerabat diraja Selangor turut terjalin. Misalnya, hubungan Tunku Panglima Raja Berkat dengan Raja Muda Musa. Raja Muda Musa berkahwin dengan Raja Buntal, puteri Tunku Panglima Raja Berkat. Dengan itu, Tunku Panglima Raja Berkat adalah mentua Raja Muda Musa. Namun begitu, perkahwinan tersebut tidak berkekalan kerana Raja Muda Musa, dan Raja Buntal bercerai.

Hubungan Tunku Panglima Raja Berkat bersama-sama keluarganya dengan Raja Daud, putera Raja Hussin, dan penghulu Sepang Kecil, menghadapi perselisihan faham. Perselisihan faham ini terjadi kerana Raja Daud dikatakan oleh Raja Mahmud sebagai penceroboh kawasan mereka di Sepang. Menurut Raja Mahmud, Sepang adalah dikuasai oleh Tunku Panglima Raja Berkat, dan keturunannya, dan Raja Daud tidak mempunyai hak berkuasa di sini. Perselisihan faham ini dipanjangkan kepada Pemungut Cukai, dan Majistret, dan Residen Selangor untuk menyelesaikannya. Namun begitu, tindakan ini kurang berjaya tetapi lama-kelamaan, perselisihan ini semakin pulih.

Peranan Raja Berkat dalam Perang Klang, 1866-1874

Perang Klang adalah berpunca daripada tuntutan Raja Mahadi, putera Raja Sulaiman, dan cucunda Sultan Muhammad terhadap Raja Abdullah, pembesar Klang pada tahun 1866.³⁹

36 Raja Berayun adalah keturunan Mandailing. Bangsa Mandailing mula berhijrah ke Negeri-negeri Melayu sekitar awal abad ke-19. Penghijrahan tersebut akibat Perang Paderi berlaku antara tahun 1803-1838. Pimpinan tokoh agama berfahaman Wahabi seperti Tuanku Imam Bonjol, Tuanku Tambusai, dan Tuanku Roa berhasrat mengislamkan penduduk di Sumatra Utara. Kebanyakan penduduk Sumatra Utara tidak berhasrat memeluk agama Islam, mereka memohon bantuan daripada Belanda. Seterusnya, pakatan Imam tersebut berperang dengan Belanda, dan perjanjian antara mereka turut termeterai. Sehubungan itu, perang ini dikenali sebagai Perang Paderi. Selepas peperangan tersebut berlaku, kebanyakan bangsa Mandailing berhijrah ke Negeri-negeri Melayu untuk memulakan kehidupan yang baru, dan jauh dari peperangan. Selain Raja Berayun, keluarga Mandailing lain seperti Sutan Puasa, Raja Asal, Raja Bilah, dan ramai lagi berhijrah menetap di Selangor, dan Perak. Untuk keterangan lanjut, lihat dalam Abdur-Razzaq Lubis, dan Khoo Salma Nasution, *Raja Bilah and the Mandailings in Perak: 1875-1911*, Penang: MBRAS, Monograph No. 35, 2003, hlm. 19, F. M. Schnitger, *Forgotten Kingdoms in Sumatra*, Singapore: Oxford University Press Pte. Ltd., hlm. 56-65, M. D. Mansoor, Amrin Imran, Mardanas Safwan, Asmaniar Z. Idris, dan Sidi I. Buchari, *Sedjarah Minangkabau*, Djarkata: Penerbit Bhartara, 1970, hlm. 127-150, Muhammad Radjab, *Perang Paderi di Sumatera Barat (1803-1838)*, Perpustakaan Perguruan, 1954, hlm. 423-426.

37 SSF/RESIDENT 174/79, Reports Visit of His Highness the Sultan.

38 SSF/NATIVE 382/80, Relative to Tunku Panglima Rajahs' Not Reporting His Movement.

39 CO 275/12, Legislative Council, Singapore, 22 August 1870, dan CO 277/1, Colony of the Straits Settlements 1867.

Sebelum Raja Abdullah dilantik sebagai pembesar Klang pada tahun 1850, Raja Sulaiman dilantik sebagai pembesar Klang oleh Sultan Muhammad.⁴⁰ Selepas pelantikan Raja Sulaiman tersebut, beliau menjalankan aktiviti perlombongan bijih timah di sepanjang Sungai Klang. Namun begitu, usaha Raja Sulaiman gagal. Tambahan lagi, Raja Sulaiman dikatakan tidak memberi perhatian sepenuhnya terhadap perusahaan perlombongan ini. Personaliti Raja Sulaiman menyebabkan aktiviti perlombongan bijih timah di Sungai Klang mengalami kegagalan, dan menyebabkan Sultan Muhammad berhutang dengan saudagar bijih timah di Singapura.⁴¹

Selepas kemangkatan Raja Sulaiman pada tahun 1850, Sultan Muhammad berhasrat melantik Raja Abdullah sebagai pembesar Klang. Raja Abdullah dilantik kerana beliau adalah pembantu Raja Jumaat, abang beliau, dan pengusaha perlombongan bijih timah yang berjaya di Sungai Lukut. Sehubungan itu, Raja Abdullah dilantik sebagai pembesar Klang pada tahun 1850.⁴² Selepas pelantikan tersebut, Raja Abdullah mengusahakan kawasan perlombongan bijih timah di Sungai Klang. Raja Abdullah berpusat di Pengkalan Batu, berdekatan dengan Kuala Klang. Sungai Klang berjaya dimajukan oleh Raja Abdullah. Perkembangan tersebut menyebabkan Sultan Muhammad berasa berpuas hati terhadap pentadbiran Raja Abdullah di Pengkalan Batu.

Pada tahun 1857, Raja Abdullah bersama-sama pengikutnya berhasrat menerokai, dan mencari kawasan perlombongan bijih timah baru di sepanjang Sungai Klang.⁴³ Mereka memudiki perahu sehingga ke Sungai Lumpur yang bercantum dengan Sungai Klang, dan Sungai Gombak.⁴⁴ Percantuman sungai tersebut menyebabkan keadaan di sini menarik perhatian Raja Abdullah. Seterusnya, mereka meneruskan perjalanan, dan berhenti di Ampang, Hulu Klang. Raja Abdullah menjadikan Ampang sebagai pusat beliau di sini. Berikutan itu, Raja Abdullah sekaligus membuka Kuala Lumpur pada tahun 1857, dan

40 J. M. Gullick, *The Story of Kuala Lumpur (1857-1939)*, Singapore: Eastern Universities Press Sdn. Bhd., 1983, hlm. 8.

41 Kementerian Pendidikan Malaysia, *Kuala Lumpur*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1991, hlm. 96, dan Sivachandralingam Sundara Raja, *Sejarah Perdagangan Bebas*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2005, hlm. 131.

42 CO 273/94, Memorandum on the Proposed Retirement and Pension of Tunku Dia Udin [Tunku Kudin], Viceroy of Salangore, 8 May 1878, dan SSF/CS 219/76, Re: Raja Ismail's Claim to Property (Godown) at Klang.

43 Menurut laporan T. Braddle pada 28 Januari 1874, beliau menyatakan pembesar yang mengusahakan kawasan perlombongan bijih timah akan berusaha mencari kawasan perlombongan bijih timah baru di sepanjang sungai tersebut. Selain itu, pembesar tersebut akan menetap berhampiran dengan sungai tersebut tetapi tidak menetap berdekatan dengan kawasan perlombongan bijih timah. Menurut Braddle lagi, setiap pembesar yang mengusahakan kawasan perlombongan bijih timah adalah seorang yang kaya raya. Untuk keterangan lanjut, lihat dalam CO 275/17, Report on the Proceedings of Government Relating to the Native States in the Malayan Peninsula, 28 January 1874 dan *The Straits Times*, 28 November 1874.

44 Sungai Klang dibahagikan kepada dua cabang iaitu dari hilir Klang ke Hulu Gombak, dan Hulu Klang. Misalnya, pada masa kini, daerah Selangor yang berpunca dari Sungai Klang tersebut dikenali sebagai Lembah Klang. Untuk kepastian mengenai perkara ini, corong-corong radio sering menyatakan Lembah Klang adalah merujuk daerah Selangor yang terdiri daripada Klang (Kuala dan Hulu), Petaling, Gombak dan Kuala Lumpur. Walaupun perjanjian yang berlangsung pada 1 Februari 1974, Kuala Lumpur dianugerahkan kepada Kerajaan Malaysia, wilayah ini tetap dalam lingkungan Lembah Klang. Untuk keterangan lanjut, lihat dalam *Utusan Malaysia*, 2 Februari 1972, *Perjanjian dan Persetujuan 1786-1983/P 1/74*, *Perisytiharan Wilayah Persekutuan*, dan *Perjanjian dan Persetujuan 1786-1983/P 2/74*, Kuala Lumpur Agreement-Agreement Relating to the Establishment of Federal Territory.

berjaya menjadikan Kuala Lumpur sebagai sebuah pusat perdagangan bijih timah yang terkenal di Negeri-negeri Melayu.⁴⁵

Pada tahun 1866, Raja Mahadi menuntut Sungai Klang yang merangkumi Pengkalan Batu, dan Ampang daripada Raja Abdullah.⁴⁶ Raja Mahadi menyatakan beliau berhak terhadap Sungai Klang kerana Raja Sulaiman, ayahanda Raja Mahadi adalah pembesar Sungai Klang dan sepatutnya, Sungai Klang diwariskan kepada beliau.⁴⁷ Namun begitu, tuntutan Raja Mahadi adalah sia-sia sahaja kerana Sultan Muhammad melantik Raja Abdullah sebagai pembesar Sungai Klang yang sah pada tahun 1850. Seterusnya, ketika pemerintahan Sultan Abdul Samad, baginda turut memperaku, dan melantik Raja Abdullah sebagai pembesar Klang yang sah pada tahun 1865, dan 1867.⁴⁸

Raja Mahadi tidak berpuas hati terhadap keputusan tersebut dan memulakan Perang Klang pada tahun 1866.⁴⁹ Kebanyakan kerabat diraja Selangor terdiri daripada Raja Muda Musa, Raja Kahar, Raja Yaakob, Raja Mahmud, Raja Ali, Raja Hitam, Raja Abdullah, dan Syed Masahor menyokong Raja Mahadi.⁵⁰ Tidak dilupakan juga, Tunku Panglima Raja Berkat turut melibatkan diri dalam Perang Klang, dan menyokong Raja Mahadi. Namun penglibatan Tunku Panglima Raja Berkat tidak begitu ketara berbanding dengan Raja Mahadi, Raja Mahmud dan Syed Masahor.⁵¹ Sokongan tersebut dilaksanakan kerana mereka adalah dari satu keturunan yang sama iaitu dari keturunan kerabat diraja Bugis-Selangor. Keadaan ini berbeza dengan Raja Abdullah kerana beliau adalah dari keturunan kerabat diraja Bugis-Riau.⁵² Ekoran itu, ikatan keturunan yang kuat memainkan peranan penting dalam Perang Klang.

-
- 45 SP 368/16, Haji Raja Amzah bin Raja Sohot, Perakuan Tengku Mahmud Shah Alhaj ibni Almarhum Sultan Aleaddin Sulaiman Shah.
- 46 SSR/Letters from the Native Rulers/F. 7. 1865-1874, From Tunku Laksamana to Tunku Kudin, 21th July 1872 dan CO 882/2, Inclosure 3 in No. 84, Continuation of Report on the Proceedings of Government Relating to the Native States in the Malay Peninsula by T. Braddel, 18 February 1874.
- 47 CO 882/3/10, No. 3, From Governor Sir W. F. D. Jervois, K. C. M. G., to the Earl of Carnarvon, 4 April 1876 dan CO 882/3/6, No. 2, From Governor Sir W. F. Jervois, K. C. M. G., C. B., to the Earl of Carnarvon, 20 July 1875.
- 48 SSF/MISC 194/77, Decision of Council in Re Their Claim.
- 49 *Private Letter Book Volume XI*, Forwarded to Leveson with Reference to Article in *China Express*, 11 July 1867.
- 50 Pada peringkat awal, Raja Muda Musa tidak berhasrat melibatkan diri dalam Perang Klang. Namun begitu, selepas Tunku Kudin dilantik sebagai Wizurai Selangor, Raja Muda Musa menyebelahi Raja Mahadi. Pada peringkat awal, Raja Yaakob menyebelahi Tunku Kudin, dan beliau dilantik sebagai pembesar di Kuala Selangor. Namun begitu, dalam hati Raja Yaakob, beliau tidak menyukai Tunku Kudin, dan menyatakan perkelahian yang berlaku di Selangor adalah disebabkan Tunku Kudin. Untuk keterangan lanjut, lihat dalam Mohd. Fadzil Othman, *Kisah Pelayaran Muhammad Ibrahim Munsyi*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1980, hlm. 78.
- 51 Raja Mahadi, Raja Mahmud, dan Syed Masahor dikategorikan sebagai 'Lanun yang Jahat' oleh British. Untuk keterangan lanjut, lihat dalam R. O. Windstet, "A History of Selangor", *JMBRAS*, Singapore: Printers Limitted, Vol. XII, Part III, 1934, hlm. 25 dan R. J. Wilkinson, *A History of the Peninsular Malays with Chapters on Perak and Selangor*, Singapore: Kelly & Walsh Limited, 1923, hlm. 148.
- 52 Raja Abdullah berkahwin dengan Raja Khalijah binti Raja Haji. Anak mereka adalah Raja Hassan, Raja Ismail, Raja Abdul Rahman, Raja Muhammad, dan Raja Impeh. Untuk keterangan lanjut, lihat dalam SP 368/21, Haji Raja Amzah bin Raja Sohot, Salasilah Raja Abdullah bin Raja Jaafar dari Roots' Raja Bugis 'Lamadusila', dan CO 717/117, Memorial Presented on Behalf of His Highness Tungku Badar Shah, Tunku Panglima Besar of Selangor, Concerning His Right and Claim to be Appointed Raja Muda of Selangor, 15 April 1936.

Ketika Kuala Selangor di bawah pengaruh Raja Mahadi, beliau bersama-sama Raja Mahmud, Syed Masahor, dan Tunku Panglima Raja Berkat menetap di sini. Pada peringkat permulaan, Raja Muda Musa membenarkan mereka menetap di sini. Namun begitu, lama-kelamaan, Raja Muda Musa tidak berpuas hati terhadap tindakan mereka di sini.⁵³ Raja Muda Musa bertindak sedemikian kerana mereka mengganggu keharmonian daerah Kuala Selangor. Raja Muda Musa menghadap Sultan Abdul Samad untuk mendapat bantuan, dan perlindungan. Namun begitu, Raja Muda Musa tidak berjaya mempengaruhi ayahandanya, dan beliau mengundurkan diri ke Singapura bersama-sama keluarganya.

Pada tahun 1868, Sultan Abdul Samad melantik Tunku Kudin sebagai Wizurai Selangor.⁵⁴ Tunku Kudin diperintahkan oleh Sultan Abdul Samad, bapa mentua beliau supaya menyelesaikan Perang Klang. Tunku Kudin bekerjasama dengan putera Raja Abdullah terdiri daripada Raja Ismail, Raja Hassan, Raja Impeh, Raja Muhammad, dan Raja Abdul Rahman pada tahun 1868-1874.⁵⁵ Selepas pakatan tersebut dibentuk, pakatan Raja Mahadi berjaya dikalahkan. Tambahan lagi, pakatan Tunku Kudin mendapat bantuan daripada kerajaan British di Negeri-negeri Selat pada tahun 1871.⁵⁶ Akhirnya, Perang Klang berjaya diselesaikan pada tahun 1874.

Ketika di ambang kejatuhan pakatan Raja Mahadi, Tunku Panglima Raja Berkat mengundurkan diri ke Tampoi pada 18 September 1874.⁵⁷ Menurut catatan Swettenham, beliau menyatakan terdapat ura-ura bahawa Tunku Panglima Raja Berkat bersama-sama keluarganya mengundurkan diri ke Sumatera. Namun begitu, pada hakikatnya, Tunku Panglima Raja Berkat tidak mengundurkan diri ke Sumatera, dan beliau mengundurkan diri ke Tampoi.

Swettenham bertindak sebagai perunding keamanan, dan menasihatkan Raja Mahadi, Raja Mahmud, dan Tunku Panglima Raja Berkat untuk menyerahkan diri. Swettenham memohon bantuan daripada Sultan Abdul Samad, Raja Muda Musa, Raja Kahar, Raja Yaakob, dan Tunku Kudin untuk berjumpa dengan Raja Mahadi, Raja Mahmud, dan Tunku Panglima Raja Berkat. Swettenham berhasrat berbincang dengan mereka mengenai Perang Klang.

53 SSR/Letters from Native Rulers/F. 7/1865-1874, From Raja Musa to the Governor of the Straits Settlements, dan *Straits Times Overland Journal*, 29 July 1871.

54 Emily Sadka, *The Malay Protected States, 1874-1895*, Kuala Lumpur: University of Malaya Press, 1968, hlm. 31, CO 273/48, Government House, Singapore to the Earl of Kimberly, 28 July 1878, CO 273/94, Memorandum on the Proposed Retirement and Pension of Tunku Dia Udin, Viceroy of Salangore, SSR/Letters from Native Rulers/F. 7. 1865-1874, from Sultan Abdul Samad to the Governor of the Straits Settlements, 25th August 1870, *Correspondence Relating to the Affairs of Certain Native States in the Malay Peninsula, in the Neighbourhood of the Straits Settlements*, No. 29, From Seymour Clarke, Esq., to Colonial Office, 17 November 1873 dan CO 275/16, Shorthand Report of the Proceedings of the Legislative Council of the Straits Settlements, (With Appendicees) for 1873.

55 SSF/NATIVE 193/78, Complains that He is Not to Get the Same Allowance as His Brother.

56 Pada tahun 1870, Sir H. St. G. Ord menyatakan bahawa British berhasrat membantu Selangor dalam Perang Klang. Pada 28 Jun 1872, British menerbitkan *Act. No. X of 1839* untuk membantu Selangor pada tahun 1871. Untuk keterangan lanjut, lihat dalam CO 275/11, Straits Settlements Minutes of Executive Council, 1870, dan CO 277/ Straits Settlements Blue Book for the Year 1872.

57 P. L. Burns dan C. D. Cowan (Editors), *Sir Frank Swettenham's Malayan Journals 1874-1876*, hlm. 129.

Pada September 1874, menurut catatan Swettenham, beliau memohon bantuan Raja Muda Musa untuk berhubung dengan Tunku Panglima Raja Berkat. Raja Muda Musa berjumpa dengan Tunku Panglima Raja Berkat di Tampoi pada 29 September 1874. Dalam perjumpaan tersebut, Tunku Panglima Raja Berkat berhasrat menyerahkan diri. Tunku Panglima Raja Berkat turut tidak berhasrat melibatkan lagi dalam Perang Klang, dan akan cuba menasihati Raja Mahmud supaya menyerah diri. Pada 1 Oktober 1874, Raja Muda Musa menerima surat daripada Tunku Panglima Raja Berkat menyatakan bahawa “*whether he was in good or bad repute in the Straits*”.⁵⁸

Pada petang 6 Oktober 1874, catatan Swettenham menyatakan bahawa utusan Tunku Panglima Raja Berkat berjumpa dengan beliau. Dalam perjumpaan tersebut, utusan itu memaklumkan bahawa Swettenham harus menulis surat kepada Tunku Panglima Raja Berkat untuk mengadakan pertemuan antara mereka.⁵⁹

Selepas beberapa hari kemudian, Swettenham tidak menerima khabar Tunku Panglima Raja Berkat, beliau memaklumkan kepada Raja Muda Musa untuk ke Tampoi pada 24 Oktober 1874. Setelah Raja Muda Musa tiba di Tampoi, Tunku Panglima Raja Berkat tidak ada di sini. Raja Lebar menyatakan kepada Raja Muda Musa bahawa Tunku Panglima Raja Berkat ke Sepang.⁶⁰ Dalam benak fikiran Swettenham, beliau menyatakan bahawa tujuan Tunku Panglima Raja Berkat ke Sepang adalah berjumpa dengan Raja Mahmud.

Dalam awal bulan November 1874, Swettenham menetap di Klang untuk berjumpa dan berbincang dengan Tunku Kudin. Di samping itu, Swettenham menunggu kedatangan Tunku Panglima Raja Berkat untuk berjumpa dengan beliau di Jugra. Pada malam 6 November 1874, Swettenham tiba di Sungai Langat. Keesokkan harinya, Swettenham mendapat maklumat bahawa Tunku Panglima Raja Berkat tiba di Jugra pada hari beliau ke Klang.⁶¹ Tunku Panglima Raja Berkat menunggu Swettenham selama empat hari di sini. Kemudian, Tunku Panglima Raja Berkat pulang ke rumahnya di sini. Swettenham berharap beliau dapat berjumpa dengan Tunku Panglima Raja Berkat pada keesokkan hari.

Pada 8 November 1874, Tunku Panglima Raja Berkat berjumpa dengan Swettenham pada pukul 7.30 malam. Mereka berjumpa, dan berbincang sehingga pada pukul 9 malam. Dalam perjumpaan tersebut, Swettenham mencatatkan dalam diariinya bahawa “*He is the finest looking man I have seen here, and was the Sultan's right hand, having been his Panglima Prang in the Sultan's wicked days*”.⁶² Tunku Panglima Raja Berkat memaklumkan kepada Swettenham bahawa “*he wanted was to live at peace with all men 'watching his own kettle'*”.⁶³

Tunku Panglima Raja Berkat memaklumkan kepada Swettenham bahawa Raja Mahmud berada di Sungai Ujong, dan akan menasihati puteranya supaya menyerah kalah. Swettenham menyatakan kepada Tunku Panglima Raja Berkat bahawa Hari Raya Aidil Fitri

58 Ibid., hlm. 131.

59 Ibid., hlm. 132.

60 Ibid., hlm. 140.

61 Ibid., hlm. 145.

62 Ibid.

63 Ibid., hlm. 146.

hampir menjelang. Menurut Swettenham, pada hari tersebut, orang Islam diwajibkan untuk bermaaf-maafan antara satu sama lain, dan 'buang yang keruh, ambil yang jernih'. Selepas mendengar kenyataan tersebut, Tunku Panglima Raja Berkat bersetuju, dan berharap akan menjadi kenyataan pada Hari Raya Aidil Fitri kali ini, 12 November 1874. Seterusnya, Tunku Panglima Raja Berkat menyatakan bahawa "*it is useless now to attempt to make further disturbances, you being here and the Sultan forbidding and discountenancing it*".⁶⁴

Selepas mendengar kenyataan tersebut, Swettenham bersetuju, dan menasihatkan Tunku Panglima Raja Berkat bahawa beliau bersama-sama keluarga, dan pengikutnya kembali ke Sungai Langat. Tambahan lagi, Swettenham berharap sangat Raja Mahmud turut bersama dalam kepulangan tersebut. Selepas Swettenham berjaya berjumpa, dan berbincang dengan Tunku Panglima Raja Berkat, beliau menghadap Sultan Abdul Samad pula pada pukul 9 malam.

Pada 11 November 1874, setelah mendapat nasihat daripada Swettenham, Tunku Panglima Raja Berkat ke Tampoi untuk membawa pulang keluarganya ke Sungai Langat. Pada 16 November 1874, Tunku Panglima Raja Berkat pulang bersama-sama keluarganya ke Jugra. Tunku Panglima Raja Berkat berjumpa dengan Swettenham, dan saling bermohon maaf antara satu sama lain. Dalam perjumpaan tersebut, mereka berbincang antara satu sama lain. Tunku Panglima Raja Berkat menyatakan kepada Swettenham bahawa "*he did not wish to hold any high post in Salangor, but merely to live quietly earning if possible a livelihood*".⁶⁵ Pada 19 November 1874, Tunku Panglima Raja memaklumkan kepada Swettenham bahawa beliau menghantar seramai 10 orang untuk membawa pulang Raja Mahmud yang berada di Sungai Ujong.⁶⁶

Selepas Perang Klang selesai pada tahun 1874, Clarke melantik J. G. Davidson sebagai Residen British Selangor pertama, dan Swettenham sebagai Penolong Residen British Selangor.⁶⁷ Davidson diletakkan di Klang bersama-sama Tunku Kudin manakala Swettenham diletakkan di Kuala Langat bersama-sama Sultan Abdul Samad. Sultan Abdul Samad menyenangi terhadap pelantikan tersebut dalam kerajaan baginda. Dengan pelantikan tersebut, Sultan Abdul Samad berharap kerajaan baginda menjadi lebih maju, dan memberi kerjasama terhadap pentadbiran British yang berpusat di Singapura.

Peranan Raja Berkat sebagai Penghulu Kanchong, 1875-1887

Selepas campur tangan British dalam pentadbiran Selangor pada tahun 1874, Selangor diletakkan sebagai Negeri-negeri Lindungan British. Pada peringkat awal, pentadbiran Selangor tidak begitu kukuh kerana Davidson, dan Swettenham ditugaskan oleh Clarke ke

64 Ibid.

65 Ibid., hlm. 149.

66 Ibid., hlm. 151.

67 *The Straits Observer*, 4 January 1875.

Perak.⁶⁸ Mereka ditugaskan ke Perak kerana J. W. W. Birch, Residen British Perak pertama, mati dibunuh oleh Dato' Maharaja Lela, dan terdapat konflik dalaman di sini. Ketika mereka dihantar ke Perak, Douglas dilantik sebagai Pemangku Residen British Selangor pada 1875.⁶⁹ Seterusnya, pada tahun 1877, Douglas dilantik sebagai Residen British Selangor ke-2.

Ketika Douglas dilantik sebagai Residen Selangor ke-2, beliau menjalankan pentadbiran Selangor atas nama "Pentadbir", dan bukan sebagai "Penasihat". Berikutan daripada salahguna kuasa tersebut, dan kesalahan yang dilakukan oleh Douglas, pada tahun 1882, beliau dipecat sebagai Residen British Selangor ke-2. Tambahan lagi, Douglas tidak dibenarkan lagi dilantik sebagai Residen British. Pada akhir tahun 1882, Swettenham dilantik sebagai Pemangku Residen British Selangor ke-3, dan menjalankan pentadbiran di sini dengan baik. Pelantikan Swettenham ini menyebabkan Sultan Abdul Samad, Tunku Panglima Raja Berkat, dan kerabat diraja Selangor lain berasa berpuas hati, dan senang untuk bekerjasama.

Selepas campur tangan British dalam pentadbiran Selangor pada tahun 1874, British melantik kerabat diraja Selangor yang dianggap sesuai untuk berkhidmat dalam pentadbiran di sini. Perkhidmatan tersebut adalah sebagai penghulu di sesebuah mukim di daerah Selangor terdiri daripada Sungai Langat, Sungai Selangor, Sungai Bernam, Sungai Lukut, dan Sungai Klang. Pada tahun 1877, Pemungut Cukai, dan Majistret turut dilantik oleh British untuk menjaga hal ehwal, dan perbendaharaan di setiap daerah Selangor. Di samping itu, Pemungut Cukai, dan Majistret perlu membantu setiap penghulu di daerah Selangor.

Pada tahun 1876, James Innes dilantik sebagai Pemangku Pemungut Hasil Langat, dan mendapat gaji sebanyak \$200 sebulan.⁷⁰ Seterusnya, Innes dilantik sebagai Pemungut Cukai, dan Majistret Sungai Langat pada tahun 1877. Innes tiba di Kuala Langat, dan memaklumkan kedatangan beliau kepada Douglas pada 28 Ogos 1877.⁷¹ Pada tahun 1878, C. H. A. Turney dilantik sebagai Pemangku Pemungut Cukai, dan Majistret Sungai Langat buat sementara waktu dan kembali memangku jawatan ini pada akhir tahun 1881 sehingga 27 September 1882.⁷² Turney menyandang sebagai Pemangku Pemungut Cukai, dan Majistret Sungai Langat kerana Innes meletakkan jawatan beliau pada 10 Disember 1881.⁷³ Kemudiannya, Cecil Ranking dilantik sebagai Pemungut Cukai, dan Majistret Sungai Langat pada 27 September 1882.⁷⁴ Seterusnya, J. A. G. Campbell pada 30 April 1883, kemudiannya

68 Swettenham melaporkan bahawa perkembangan pentadbiran Selangor dari tahun 1875-1876 tidak memberangsangkan. Tambahan lagi, pembunuhan J. W. W. Birch adalah salah satu sebab pentadbiran Selangor tidak berjalan dengan begitu baik. Untuk keterangan lanjut, lihat dalam *CO 275/21*, Memorandum on the Financial Condition of the Native States of Perak, Selangore, and Sungei Ujong, 8 February 1877.

69 *CO 276/6*, From C. J. Irving to Colonial Secretary's Office, 19 November 1875.

70 *SSF/CS 44/76*, Mr Innes Notifying His Appointment.

71 *SSF/LANGAT 299/77*, Reports Arrival at Bukit Jugra.

72 *SSF/CS 290/78*, Informs that Mr. Turney May Act for Mr. Innes as Collector of Langat from the Date of Mr. Rankings Arrival at Klang, dan *SSF/CS 231/82*, Referring to the Resignation of Mr. James Innes Late Collector & Magistrate at Langat, Decision of the Secretary of State for the Colonies.

73 *SSF/RESIDENT 539/81*, Mr. Innes Resignation.

74 *SSF/K. LANGAT 489/82*, 1. Informing That He Handed Over Charge of K. Selangor District to Mr. Bristow. 2. Beg for Instruction as to Whether He is to Consider that Prohibition as Extending to Himself or Not.

Bellamy pada bulan 11 Mei 1885 dilantik sebagai Pemungut Cukai, dan Majistret Kuala Langat.⁷⁵

Pada tahun 1883, Swettenham dilantik sebagai Residen British Selangor ke-3.⁷⁶ Selepas perantaraan tersebut, Swettenham mengubah dasar pentadbiran daerah di Selangor kerana untuk menyeragamkan pentadbiran di sini. Ekoran itu, pertama; daerah Selangor dibahagikan kepada enam bahagian iaitu, Kuala Langat, Hulu Langat, Kuala Selangor, Hulu Selangor, Klang, dan Kuala Lumpur.⁷⁷ Setiap daerah turut dilantik Pemungut Cukai di sini untuk membantu Residen British Selangor. Kedua; jawatan penghulu di Selangor dijadikan sebagai jawatan rasmi dalam pentadbiran Selangor. Jawatan ini berkuat kuasa pada bulan September 1883 dalam Majlis Mesyuarat Negeri Selangor berdasarkan perkenan Sultan Abdul Samad.⁷⁸ Kebanyakan kerabat diraja Selangor dilantik sebagai penghulu di setiap daerah Selangor, dan diberi elaun yang berpatutan.

Penghulu wajib bekerjasama dengan Pemungut Cukai, dan Majistret, dan berperanan dalam memajukan mukim masing-masing.⁷⁹ Tugas penghulu yang utama adalah membangunkan mukim masing-masing, dan melaporkan keadaan mukim mereka kepada Pemungut Cukai, dan Majistret. Antaranya, melaporkan keadaan mukim mereka kepada Pemungut Cukai, dan Majistret seperti pembangunan, kecurian, dan kematian, membuat trek jalan kaki dan jalan raya, bercucuk tanam seperti penanaman padi, kopi, dan buah-buahan, dan meningkatkan populasi di mukim masing-masing.

Pada tahun 1875, Tunku Panglima Raja Berkat dilantik sebagai penghulu di Kanchong, Kuala Langat, dan menetap di sini bersama-sama keluarganya.⁸⁰ Sultan Abdul Samad berhasrat kerabat diraja Selangor yang berkelayakan dapat berkhidmat dalam pentadbiran Selangor. Residen British Selangor bersetuju terhadap hasrat Sultan Abdul Samad tersebut. Namun begitu, Residen British Selangor menyatakan bahawa akan memilih kerabat diraja Selangor yang berkelayakan sahaja. Kanchong adalah mukim dalam Kuala Langat, Selangor, dan berdekatan dengan Sungai Jugra, dan Sungai Sepang.

Pada bulan Jun 1876, Tunku Panglima Raja Berkat menuntut sebanyak \$30 elaun bulanan daripada British. British hanya membayar sebanyak \$70 kepada Tunku Panglima Raja Berkat. Jumlah penuh elaun Tunku Panglima Raja Berkat adalah sebanyak \$100 untuk dua bulan.⁸¹ Innes memaklumkan kepada Douglas mengenai 30 buah kelong yang diletakkan

75 SSF/KL 561/83, Reporting the Arrival of Mr. J. G. Campbell and Mr. Ranking's Removal to Ulu Selangor, SSF/KL 460/83, Arrival of Mr. Campbell at Klang and Mr. Ranking's Removal to Ulu Selangor, SSF/KL 642/83, Informing That He Has Taken Overcharge of Langat Respectively, dan SSF/MISC 764/85, Intimating That Mr. Campbell Has Given & Mr. Bellamy Taken Over Charge of the Collectorship at Langat Jugra.

76 CO 276/14, Government Notification, 17 January 1883.

77 CO 273/178, The Malay Peninsula, Its Resources and Prospects, 12 November 1891.

78 *Minutes of Selangor Council*/1486/80, 35th Meeting of State Council Held at the Istana Bukit Jugra on Sunday, 2nd September 1883.

79 Frank Swettenham, *British Malaya: An Account of the Origin and Progress of British Influence in Malaya*, London: Allen and Unwin, 1955, hlm. 228, dan *The Straits Times*, 28 June 1883.

80 SSF/NATIVE 215/82, In Reference to the Land in Which His Compong Now Stands and Asks for a Reply, SSF/52/83, Forwarding Copy of Official Journal for December 1882, *Minutes of Selangor Council*/1486/80, 35th Meeting of State Council Held at the Istana Bukit Jugra on Sunday, 2nd September 1883, dan *The Straits Times*, 13 June 1883.

81 SSF/80/76, Re Allowance to Tunku Panglima Raja Etc.

antara Sungai Jugra, dan Sungai Lukut untuk menangkap ikan di sini. Menurut Innes, satu kelong adalah sebanyak \$1.50, dan 30 kelong adalah bersamaan dengan \$45. Innes menyatakan bahawa terdapat sebanyak 6 kelong lagi di bahagian utara antara Kuala Lukut, dan Kuala Jugra diletakkan untuk menangkap ikan di sini. Menurut Innes, 6 kelong tersebut adalah sebanyak \$9. Innes menyatakan bahawa sebanyak \$53 sebulan adalah lebih daripada cukup untuk membayar lebihan elaun Tunku Panglima Raja Berkat.⁸² Selepas tuntutan tersebut dilakukan, British membayar lebihan tersebut kepada Tunku Panglima Raja Berkat dalam bulan yang sama. Pada bulan September 1880, Tunku Panglima Raja Berkat dikehendaki membayar yuran menangkap ikan di kawasan beliau.⁸³ Yuran tersebut perlu dibayar kepada Innes yang menetap di Kuala Langat.

Pada 27 Jun 1876, selepas dipersetujui oleh Sir William Jervois, Gabenor Negeri-negeri Selat ke-10, Tunku Panglima Raja Berkat diberi elaun sebanyak \$50 sebulan untuk menangkap ikan di Kuala Langat.⁸⁴ Kawasan sungai di sini mempunyai ikan yang banyak. Tunku Panglima Raja Berkat adalah seorang penghulu yang rajin dalam penangkapan ikan di sini.

Pada tahun 1877, Tunku Panglima Raja Berkat berhasrat membantu pemuda yang bernama Muin, dan mereka berjumpa dengan Innes di pejabatnya. Tunku Panglima Raja Berkat menyatakan kepada Innes bahawa Muin berhasrat membuka penempatan baru di Hulu Langat. Muin berhasrat membawa seramai 600 atau 700 orang ke sana. Tujuan Muin ke Hulu Langat adalah untuk menjalankan aktiviti pemungutan hasil hutan, dan melombong bijih timah di sini. Menurut Tunku Panglima Raja Berkat:

That the Country will never be [rami-rami] while Raja Kahar is had of it....Raja Kahar is a small hearthed man who is afraid of people coming into the country because they will assistancee from him.⁸⁵

Tunku Panglima Raja Berkat menyatakan demikian kerana Raja Kahar, putera Sultan Abdul Samad, adalah seorang penghulu yang tidak berjiwa rakyat. Innes akan memaklumkan perkara tersebut kepada Douglas, dan Sultan Abdul Samad supaya menasihati Raja Kahar memainkan peranan beliau sebagai penghulu dengan baik.

Pada 7 Julai 1877, Tunku Panglima Raja Berkat berhasrat meningkatkan elaunnya, dan menulis surat kepada Douglas. Tunku Panglima Raja Berkat menyatakan bahawa beliau mempunyai tanggungan yang membebankan beliau.⁸⁶ Elaun Tunku Panglima Raja Berkat adalah sebanyak \$25 sebulan.⁸⁷ Pada bulan Mac 1879, elaun Tunku Panglima Raja

82 SSF/MISC 738/76, Tunku Panglima Rajah-Allowance Payment of.

83 SSF/POLICE 276/80, Reports that the Kanchong Police Station has Not Been Visited by Any European Office Since the Ag. Collector of Jugra Left that Station.

84 SSF/100/1876, States that H. E. Has Sanctions the Allowance of \$50 to Tunku Panglima Raja in Lieu of Fees for Fishing Stick.

85 Pada pandangan saya, rami-rami berkemungkinan adalah ramai-ramai. Menurut Tunku Panglima Raja Berkat, Raja Kahar adalah seorang penghulu yang tidak berjiwa rakyat, dan perwatakan ini akan menyebabkan penduduk di Hulu Langat akan berkurangan. Untuk keterangan lanjut, lihat dalam SSF/LANGAT 273/77, Re-Compensation for Land.

86 SSF/NATIVE 248/77, Asks Increase to His Allowance.

87 SSF/RESIDENT 103/79, Re Inche Ambok's Pension, Etc.

Berkat meningkat sebanyak \$50 sebulan.⁸⁸ Seterusnya, pada bulan Apri 1881, elau Tunku Panglima Raja Berkat tetap sebanyak \$50 sebulan.⁸⁹

Pada bulan Ogos 1877, satu kes penipuan, dan kecurian terhadap kayu gaharu kepunyaan Tunku Panglima Raja Berkat berharga \$360 berlaku di Kanchong.⁹⁰ Pencuri itu bernama Mat Asil, dan Che Jalal. Mereka dipanggil untuk membuat pengakuan di Balai Polis Kanchong. Mereka menyatakan “Kayu Gaharu” tersebut adalah milik Tunku Panglima Raja Berkat. Akhirnya, mereka didapati bersalah, dan dibicarakan di mahkamah.

Pada 5 April 1879, E. A. H. Anson, Pemangku Gabenor Negeri-negeri Selat, mencadangkan sebuah pusat pembayaran cukai penangkapan ikan dibina berdekatan dengan Jugra. Tujuannya adalah untuk memudahkan penduduk di Kanchong, dan Tambok membayar cukai tersebut.⁹¹ Tunku Panglima Raja Berkat menerima cadangan tersebut.

Pada tahun 1881, Tunku Panglima Raja Berkat mengambil bijih timah dari Reko untuk dibawa pulang ke mukimnya tanpa menggunakan pas kebenaran. Menurut Innes, semua penduduk di Selangor akan menggunakan pas kebenaran untuk mengambil atau membeli bijih timah di setiap kawasan perlombongan bijih timah.⁹² Tindakan Tunku Panglima Raja Berkat ini adalah melanggar undang-undang British di sini.

Pada 26 September 1881, Tunku Panglima Raja Berkat melaporkan kes kematian seorang wanita Cina di mukimnya. Wanita Cina tersebut meninggal kerana memakan hempedu ular sewa yang dikatakan sebagai ubat.⁹³ Wanita Cina ini mencampurkan hempedu tersebut dengan gula, dan limau nipis. Wanita Cina tersebut berkahwin dengan lelaki Melayu di sini. Wanita Cina ini berhasrat mencuba ubat tradisional kaum Cina tersebut tetapi cara penyediaannya adalah salah. Seterusnya, wanita Cina ini meninggal dunia pada sebelah malam. Tunku Panglima Raja Berkat menjalankan tugasnya sebagai penghulu dengan baik kerana memaklumkan kes kematian tersebut ke pegawai polis di Kanchong. Tindakan ini adalah salah satu peranan penghulu di sini iaitu melaporkan kes kematian kepada pegawai polis.

Pada 15 November 1882, Ranking datang melawat Kanchong, dan menjalankan tugas beliau di sini. Tunku Panglima Raja Berkat mengalukan kedatangan tersebut, dan berjalan bersama di tepi pantai untuk bertanya kepada penduduk Cina mengenai lesen memancing ikan di sini. Seterusnya, mereka meneruskan perjalanan ke Bukit Pelanduk. Penduduk Cina di Bukit Pelanduk bekerja sebagai pemotong kayu-kayan di sini untuk diekspot ke Melaka.⁹⁴ Tunku Panglima Raja Berkat menyatakan kepada Ranking bahawa:

88 SSF/CS Asks for Information on Certain Items from the Cash Book.

89 SSF/K. LANGAT 164/81, Acknowledging the Receipt of \$1828.50 & Pointing Out Certain Mistakes in the Accounts.

90 SSF/MISC 296/77, Re Prosecution of One Mat Nur by a Selangor Traders for Criminal Misappropriation.

91 SSF/CS 137/79, H. E. Recommends that a Nearer Station be Established than Jugra for the Payment of Duty by the Fishing Stake Proprietors at Kanchong, Tambok Etc.

92 Pas kebenaran perlu didapatkan dari Pemungut Cukai, dan Majistret. Pas kebenaran ini mengandungi Cukai Ekspot, Pas Bawa Keluar, dan Pas Bawa Masuk. Untuk keterangan lanjut, lihat dalam, SSF/LANGAT 285/79, Recommending Printed Forms for Passes Etc, 2nd General, dan SSF/K. LANGAT 131/81, Complaint Against the Clerk Abdul Kudin as to Shipment of Tin by Tongkang.

93 SSF/401/81, Enclosing Report of a Case of Poisoning.

94 SSF/LANGAT 333/84, Annual Report from Collector and Magistrate Langat for the Year 1883.

*that a Chinaman from Malacca was going to plant pepper on Bukit Planduk, which will add greatly to the prosperity of the place if carried out, but as Raja Mahmoud told me of his meanly a year ago it seems rather doubtful if the Chinaman is really coming.*⁹⁵

Ranking meneruskan perjalanan beliau di daerah Kuala Langat yang lain. Lawatan ini menunjukkan Tunku Panglima Raja Berkat memberi kerjasama, dan menjalinkan hubungan yang baik dengan Ranking di sini.

Pada bulan Disember 1883, Tunku Panglima Raja Berkat berhasrat membuka penempatan baru di Sungai Genggang, dan Sungai Buah. Hasrat tersebut dipersetujui oleh J. P. Rodger, Pemangku Residen British Selangor ke-3. Tunku Panglima Raja Berkat menyatakan kepada Rodger bahawa beliau akan membuka penempatan tersebut selama tiga bulan.⁹⁶ Raja Abdul Manan akan membantu beliau dalam membuka penempatan tersebut.⁹⁷ Pembukaan penempatan baru ini menunjukkan Tunku Panglima Raja Berkat adalah seorang penghulu yang rajin, dan tindakan seperti ini adalah kemahuan British.

Pada 21 Disember 1883, Campbell memaklumkan kepada Rodger bahawa beliau tidak yakin akan penglibatan Raja Abdul Manan terhadap pembukaan penempatan baru tersebut. Campbell menyatakan sedemikian kerana Raja Abdul Manan adalah seorang penghulu yang begitu memuaskan di Sepang. Campbell menyatakan bahawa Raja Abdul Manan menjaga mukimnya dengan berwaspada kerana beliau mempunyai kayu balak yang banyak, dan saudagar Cina dari Melaka datang ke sini untuk mendapatkan kayu balak tersebut.⁹⁸ Raja Abdul Manan akan mengutip cukai kepada sesiapa sahaja yang hendak menyeberangi Sungai Sepang. Campbell tidak yakin bahawa Raja Abdul Manan dapat menjaga kedua-dua mukim tersebut. Campbell mencadangkan kepada Rodger melantik penghulu Kanchong baru menggantikan Tunku Panglima Raja Berkat. Campbell turut menyatakan Tunku Panglima Raja Berkat tidak lagi bekerjasama dengan beliau dalam mengutip cukai di sini.

Pada 26 Disember 1883, Rodger menyatakan kepada Campbell bahawa Raja Abdul Manan tidak bebas keluar dari mukimnya tanpa kebenaran daripada beliau. Rodger turut menyatakan bahawa Tunku Panglima Raja Berkat tetap dilantik sebagai penghulu Kanchong, dan dibenarkan membuka penempatan baru di Sungai Genggang, dan Sungai Buah.⁹⁹ Tunku Panglima Raja Berkat turut menanam padi di sini. Sungai Genggang, dan Sungai Buah adalah di bawah pentadbiran Tunku Panglima Raja Berkat selaku penghulu Kanchong. Rodger mengarahkan Campbell supaya membuat laporan mengenai mukim yang dipegang oleh Tunku Panglima Raja Berkat.

95 SSF/703/82, Enclose is Official Journal for the Month of November.

96 SSF/1908/83, Re: Opening Two Rivers/Sungai Genggang and Sungai Buah in the Ulu Langat District by Tunku Panglima Raja Penghulu of Kanching.

97 Raja Abdul Manan dilantik sebagai penghulu Sepang pada 2 Mac 1883. Raja Abdul Manan diberi guji sebanyak \$30. Untuk keterangan lanjut, lihat dalam SSF/KL 260/83, Asks to Read the Enclosed, then Forward to Raja Manan the Tengku Panglima Rajah.

98 SSF/821/83, Relative to Timber Cutting in Sepang & Its Fees.

99 SSF/LGT 193/85, Annual Report from Collector and Magistrate Langat for the Year 1884.

Pada 18 Januari 1884, Tunku Panglima Raja Berkat bersama-sama Campbell menjadi Magistret terhadap pertikaian penduduk tempatan dalam perikanan di Kanchong.¹⁰⁰ Tugas sebagai Majistret adalah perlu dilaksanakan oleh penghulu di mukim masing-masing untuk menyelesaikan kes mahkamah yang kecil.

Pada 6 September 1885, Bellamy melawat Permatang Buah yang berlokasi antara Jugra dengan Morib. Tunku Panglima Raja Berkat menemani Bellamy melawat tempat tersebut. Penghuni Permatang Buah adalah dihuni oleh Orang Sakai.¹⁰¹ Mereka berjumpa, dan berbincang antara satu sama lain di sini.¹⁰² Orang Sakai di sini memungut madu lebah, dan buah-buahan. Bellamy menyatakan bahawa perempuan di sini adalah kebanyakan cantik, dan memukau pandangan beliau. Lawatan ini menunjukkan Tunku Panglima Raja Berkat memberikan kerjasama yang baik dengan Bellamy.

Pada Februari 1886, Tunku Panglima Raja Berkat membantu Orang Laut di Sepang Kecil pada Februari 1886 untuk membuka ladang, dan sawah padi di sini. Tunku Panglima Raja Berkat berhasrat meminjam wang sebanyak \$40 untuk tujuan tersebut.¹⁰³ Rodger bersetuju dengan permohonan tersebut, dan Tunku Panglima Raja Berkat disarankan membayar \$10 sebulan kepada British. Tindakan Tunku Panglima Raja Berkat ini adalah kemahuan British, sekiranya berkaitan dengan kemajuan Selangor, British akan menolong penghulu di sini membuka, dan menanam tanaman seperti padi, pokok buah-buahan, dan kopi.

Pada bulan Mei 1887, Tunku Panglima Raja Berkat berhasrat membuka penempatan baru di Kuala Sepang pada bulan Mei 1887.¹⁰⁴ Menurut Bellamy, beliau menyatakan Tunku Panglima Raja Berkat berhasrat meminjam wang sebanyak \$200 untuk tujuan tersebut.¹⁰⁵ Bellamy menyenangi terhadap tujuan Tunku Panglima Raja Berkat tersebut, dan berharap Rodger bersetuju dengan permohonan tersebut.

Pada 5 Otober 1887, Tunku Panglima Raja Berkat diberi elaun perjalanan sebanyak \$20 bagi menyelesaikan masalah persempadanan antara Sepang, dan Kanchong.¹⁰⁶ Raja Abdul Manan berjumpa dengan Bellamy membincangkan perkara tersebut. Ekoran daripada tindakan Raja Abdul Manan, beliau bersama-sama Tunku Panglima Raja Berkat, dan Bellamy berbincang mengenai persempadanan tersebut.

Raja Osman, putera Raja Daud, membuat aduan kepada Bellamy pada 8 November 1887. Raja Osman menyatakan bahawa Tunku Panglima Raja Berkat tidak membenarkan beliau membina rumah di Sepang. Bellamy menyatakan bahawa tindakan tersebut dilaksanakan kerana Tunku Panglima Raja Berkat takut kawasan penanaman padi di sini akan dirosakkan akibat penebangan pokok di sini.¹⁰⁷ Bellamy menyebelahi, dan menyokong

100 SSF/LANGAT 223/84, Forwarding Journal and School Report for the Month of January 1884.

101 Pada bulan Mei 1884, Baten Tapak dilantik sebagai penghulu orang Sakai di Hulu Langat. Untuk keterangan lanjut, lihat dalam SSF/KL 911/84, Re the Appointment of Baten Tapak as the Headman of All the Saikies [Sakai] in Ulu Langat, dan SSF/KS 532/86, Information with Reference to Sakais in His District.

102 SSF/LANGAT 1626/85, Official Journal for the Month of Sept. 1885.

103 SSF/LANGAT 382/86, Recommends Tunku Panglima Rajas Application for an Advance of \$40.

104 SSF/LANGAT 343/88, Annual Report for the K. Langat District During the Year 1887.

105 SSF/LANGAT 1255/87, Informs that Tunku Panglima Raja Has Applied to Him for a Loan of \$200.

106 SSF/KL 2529/87, Re Sum of \$20.00 to Tunku Panglima Raja as 'Blanja Jalan'.

107 SSF/LANGAT 2835/87, Encloses a Letter from Raja Usmar the Son of Raja Daud Reporting on the Conduct of Tunku Panglima Raja.

tindakan Tunku Panglima Raja Berkat itu. Tindakan Tunku Panglima Raja Berkat dalam menjelaskan masalah tersebut kepada Bellamy adalah perkara yang perlu dilaksanakan supaya kerajaan British tidak memandang serong terhadap beliau.

Peranan Raja Berkat sebagai ahli Majlis Mesyuarat Negeri Selangor, 1877-1887

Selepas campur tangan British pada tahun 1874, pentadbiran di Selangor berkembang menjadi lebih sistematik. British menubuhkan satu majlis di setiap Negeri-negeri Melayu, dan dikenali sebagai Majlis Mesyuarat Negeri. Majlis Mesyuarat Negeri Selangor adalah yang pertama berkuat kuasa di Semenanjung Tanah Melayu pada 18 April 1877.¹⁰⁸ Tujuan Majlis Mesyuarat Negeri Selangor ditubuhkan adalah menyeragamkan sistem pentadbiran di sini yang berperanan dalam bidang legislatif, dan eksekutif.

Presiden Majlis Mesyuarat Negeri Selangor adalah terdiri daripada pemerintah negeri Selangor iaitu Tunku Kudin, Wizurai Selangor (1877), Raja Muda Musa (1877-1884), dan Sultan Abdul Samad (1884-1898).¹⁰⁹ Residen British Selangor, pegawai British, kerabat diraja Selangor, dan Kapitan Cina turut dilantik sebagai ahli Majlis Mesyuarat Negeri Selangor. Walaupun Majlis Mesyuarat Negeri Selangor mempunyai Presiden, namun begitu, pengaruh yang paling tinggi dalam Majlis ini adalah Residen British Selangor. Sepanjang tempoh 1877-1887, Residen British Selangor yang dilantik sebagai ahli Majlis Mesyuarat Negeri Selangor adalah Douglas, Swettenham, dan Rodger.¹¹⁰

108 *Minutes of Selangor Council*/1486/80, Minutes of Proceedings-Mixed Council, 1st Meeting Held at Langat, 18th April 1877.

109 Pada 18 April 1887-25 Ogos 1877, Tunku Kudin dilantik sebagai Presiden Majlis Mesyuarat Negeri Selangor. Kemudian, Tunku Kudin mengundurkan diri daripada pelantikan tersebut. Tunku Kudin berselisihan faham dengan Douglas dalam bidang kuasa pentadbiran di Selangor. Pada 31 Disember 1877, Majlis Mesyuarat Negeri Selangor ke-4, Raja Muda Musa dilantik sebagai Presiden Majlis Mesyuarat Negeri Selangor. Pada 2 September 1883, Majlis Mesyuarat Negeri Selangor ke-35, Sultan Abdul Samad dilantik sebagai Presiden Majlis Mesyuarat Negeri Selangor sehingga baginda mangkat pada 6 Februari 1898. Raja Muda Musa mengundurkan diri sebagai Presiden Majlis Mesyuarat Negeri Selangor, dan mangkat pada 8 Julai 1884. Untuk keterangan lanjut, lihat dalam *Minutes of Selangor Council*/1486/80, Minutes of Proceedings-Mixed Council, 1st Meeting Held at Langat, 18th April 1877, *Minutes of Selangor Council*/1486/80, 4th Council Meeting Held at Langat, 31st December 1877, *Minutes of Selangor Council*/1486/80, 35th Meeting of State Council Held at the Istana Bukit Jugra on Sunday, 2nd September 1883, *SSF*/182A/1898, Letter from His Highness Sultan for Transmission to His Excellency the High Commissioner, *CO* 439/2, Selangor Administration Report for the Year 1898, *CO* 576/1, Annual Report for the Year 1898 on the Federated Malay States, *SSF*/KL 1302/84, Reports the Unexpected Death of Raja Musah, dan Abdul Samad Ahmad (disusun dan disunting), *Pesaka Selangor*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa, dan Pustaka, 1966, hlm. 3.

110 Douglas adalah Residen British Selangor ke-2. Selepas Douglas menyalahgunakan kuasa beliau dalam pentadbiran Selangor, pada bulan Ogos 1882, beliau dipecat sebagai Residen British Selangor ke-2. Berikutan pemecatan tersebut, Swettenham dilantik sebagai Pemangku, dan seterusnya, sebagai Residen British Selangor ke-3 pada tahun 1883. Namun begitu, sepanjang pentadbiran Swettenham (1882-1889), beliau sering diberi tugas luar oleh Gabenor Negeri-negeri Selat. Rodger dilantik sebagai Pemangku Residen British Selangor menggantikan Swettenham buat sementara waktu. Untuk keterangan lanjut, lihat dalam *Minutes of Selangor Council*/1486/80, Minutes of Proceedings-Mixed Council, 1st Meeting Held at Langat, 18th April 1877, *Minutes of Selangor Council*/1486/80, Minutes of State Council Held at Jugra 22nd October 1882, *Minutes of Selangor Council*/1486/80, 36th Meeting of the State Council Held at Kuala Lumpur, Tuesday 19th February 1884, at 2 P. M. *CO* 273/115, From Sir F. Weld to the Colonial Office, 5 May 1882, *CO* 273/115, Resignation of Mr. Douglas,

Tunku Panglima Raja Berkat dilantik sebagai ahli Majlis Mesyuarat Negeri Selangor pada 12 Jun 1877-27 November 1886.¹¹¹ Tunku Panglima Raja Berkat menghadiri Majlis Mesyuarat Negeri Selangor sebanyak 24 kali; Majlis Mesyuarat Negeri Selangor ke-2, 3, 4, 10, 11, 13, 14, 15, 19, 24, 26, 27, 30, 31, 32, 33, 36, 38, 39, 41, 42, 43, 48, dan 49.

Kehadiran pertama Tunku Panglima Raja Berkat sebagai ahli Majlis Mesyuarat Negeri Selangor adalah pada 12 Jun 1877. Dalam Majlis Mesyuarat Negeri Selangor ke-2, antara perbincangan Douglas adalah mengenai tuntutan oleh putera Raja Abdullah terdiri daripada Raja Ismail, dan Raja Abdul Rahman, dan putera Raja Jumaat terdiri daripada Raja Bot, dan Raja Yahya.¹¹² Putera Raja Abdullah menuntut hak mereka di Klang manakala putera Raja Jumaat menuntut hak mereka di Lukut. Dalam perbincangan tersebut, Tunku Panglima Raja Berkat tidak menunjukkan sebarang reaksi terhadap tuntutan tersebut. Sebarang keputusan dilaksanakan oleh Douglas, dan mencapai persetujuan dalam perbincangan mesyuarat ini.

Dalam Majlis Mesyuarat Negeri Selangor ke-3 pada 25 Ogos 1877, Tunku Panglima Raja Berkat memohon kenaikan elaun beliau. Douglas membaca permohonan tersebut, dan menyatakan bahawa permohonan ini akan dirujuk dalam Majlis Eksekutif Singapura.¹¹³ Dalam Majlis Mesyuarat Negeri Selangor ke-4 pada 31 Disember 1877, Douglas memaklumkan perkara mengenai perbelanjaan pada tahun 1878 kepada ahli Majlis Mesyuarat Negeri Selangor terdiri daripada Tunku Kudin, Raja Kahar, Tunku Panglima Raja Berkat, dan Innes. Salinan perbelanjaan pada tahun 1878 dalam bahasa Melayu turut disertakan kepada ahli Majlis Mesyuarat Negeri Selangor. Perkara tersebut dipersetujui oleh setiap ahli Majlis Mesyuarat Negeri Selangor.¹¹⁴

Dalam Majlis Mesyuarat Negeri Selangor ke-6 pada 1 Mei 1878, Douglas berbincang bersama-sama ahli Majlis terdiri daripada Raja Muda Musa, Innes, dan Raja Kahar mengenai Tunku Panglima Raja Berkat.¹¹⁵ Tunku Panglima Raja Berkat dibincang dalam Majlis ini kerana beliau ditangkap pada 5 April 1878 atas tiga kesalahan: pertama; memberi rasuah kepada Newbronner sebanyak \$40 untuk menyelesaikan kes beliau; kedua; beliau masuk ke Sungai Bernam tanpa kebenaran daripada Langat, dan ketiga; beliau

23 August 1882, *CO* 273/116, From Raja Bidin, at Langat to Inche Muhammad Syed, 29 August 1882, *CO* 273/116, From Mr. B. Douglas to the Colonial Secretary, 2 September 1882, *CO* 273/116, From the Government House, Singapore to the Colonial Secretary, 6 September 1882, *SSF*/140/83, Letter to Sultan, *SSF*/MISC 6778/92, S&S Directory-Asks to be informed of the names of the gentlemen who have filled the post of British Resident Selangor since 1874 with dates, *CO* 882/3/5, No. 1, From Governor Sir W. Jervois to the Earl of Carnarvon, 4 November 1875, *CO* 882/4/10, Eastern, No. 32, From Lieutenant Governor Colonel Anson, C. M. G., to the Right Honourable Sir M. E. Hicks Beach, Bart, 6 March 1879, *SP* 12/31, Sir Frank Swettenham, Letter from Governor of Straits Settlements to the Earl of Kimberly, Colonial Office, Recommending the Appointment of F. A. S. as Resident of Selangor, dan *CO* 273/205, The Annual Report on the State of Pahang for the Year 1894.

111 *Minutes of Selangor Council*/1486/80, 2nd Council Meeting Held at Klang, 12th June 1877 dan *Minutes of Selangor Council*/1486/80, Minutes of the 55th Meeting of the State Council, Held at Jugra on Saturday, November 27th, 1886.

112 *Minutes of Selangor Council*/1486/80, 2nd Council Meeting Held at Klang, 12th June 1877.

113 *Minutes of Selangor Council*/1486/80, 3rd Council Meeting Held at Klang, 25th August 1877.

114 *Minutes of Selangor Council*/1486/80, 4th Council Meeting Held at Langat, 31st December 1877.

115 *Minutes of Selangor Council*/1486/80, 1877-1940, 6th Council Meeting Held at Langat, 1st May 1878.

menyuruh penduduk tempatan di Sungai Bernam supaya menandatangani petisyen yang berkaitan dengan Raja Mahadi.¹¹⁶

Selepas kesalahan tersebut dimaklumkan dalam pentadbiran Selangor, Tunku Panglima Raja dicadangkan dilucutkan jawatan sebagai ahli Majlis Mesyuarat Negeri Selangor.¹¹⁷ Dalam Majlis Mesyuarat Negeri Selangor ke-6, Innes menyatakan bahawa beliau akan menasihati Sultan Abdul Samad supaya melucutkan jawatan Tunku Panglima Raja Berkat sebagai ahli Majlis Mesyuarat Negeri Selangor.¹¹⁸

Namun begitu, usaha menangkap, dan melucutkan jawatan Tunku Panglima Raja sebagai ahli Majlis Mesyuarat Negeri Selangor gagal. Sir W. C. F. Robinson, Gabenor Negeri-negeri Selat, tidak menyokong tindakan tersebut kerana beliau berhasrat menjaga kepentingan, dan hubungan antara mereka.¹¹⁹ Dalam pada itu, Gabenor menyatakan bahawa Tunku Panglima Raja Berkat adalah seorang kerabat diraja Selangor yang mempunyai pangkat tertinggi selepas gelaran Raja Muda Selangor. Tambahan lagi, Gabenor menyatakan perkara seperti ini wajib dirujuk kepada Gabenor di Singapura terdahulu, bukannya tanpa dirujuk, dan dilaksanakan sendiri oleh Douglas, dan Newbronner. Gabenor Negeri-negeri Selat mengarahkan pegawai British terlibat seperti Douglas, Newbronner, dan Innes memohon maaf terhadap tindakan tersebut kepada Sultan Abdul Samad, dan Tunku Panglima Raja Berkat. Robinson turut mengarahkan Douglas memohon maaf secara terbuka dalam Majlis Mesyuarat Negeri Selangor ke-7 nanti.¹²⁰

Dalam Majlis Mesyuarat Negeri Selangor ke-7 pada 25 Mei 1878, Douglas melaksanakan arahan oleh Robinson iaitu memohon maaf secara terbuka kepada Sultan Abdul Samad, dan Tunku Panglima Raja Berkat.¹²¹ Tunku Panglima Raja Berkat diminta menghadiri Majlis pada kali ini. Selepas Douglas melaksanakan arahan tersebut, Tunku Panglima Raja Berkat memaklumkan bahawa beliau tidak mengulangi kesilapan yang sama lagi, dan akan memberikan kerjasama yang baik kepada Residen British, dan Gabenor Negeri-negeri Selat.

Pada 27 Februari 1879, Tunku Panglima Raja Berkat menghadiri semula Majlis Mesyuarat Negeri ke-10. Dalam Majlis tersebut, antara perbincangan Douglas ialah mengenai kes perselisihan faham antara Raja Zainal Abidin, putera Raja Yunus, dengan Raja Abdullah, putera Raja Abbas, dan Raja Hitam, putera Raja Yunus.¹²² Namun begitu, Tunku Panglima Raja Berkat tidak menyuarakan pendapat mengenai perkara tersebut.

116 CO 275/23, From William C. F. Robinson to Secretary of State, 13 June 1878, CO 275/23, From H. B. M.'s Resident at Selangor to Colonial Secretary, 2 May 1878, SSF/MISC 110/78, Revenue Collections from 1st to 30th April 78, SSF/RESIDENT 115/78, Reports Arrest by Mr. Newbrouner at Bernam of Tunku Panglima Raja the Penghulu of Kanchong for Attempting to Bribe him In Civil Case, dan SSF/RESIDENT 148/78, Acknowledges Letter Conveying HE Disapproval of the Collector of Bernam and the Residents Action in Arresting Tunku Panglima Rajah for Bribery.

117 SSF/RESIDENT 115/78, Reports Arrest by Mr. Newbrouner at Bernam of Tunku Panglima Raja the Penghulu of Kanchong for Attempting to Bribe Him in Civil Case, SSF/CS 129/78, Asks on What Authority Mr. Innes Has Stopped Raja Mahmood's Pay, dan Emily Sadka, *The Protected Malay States 1874-1895*, Kuala Lumpur: University of Malaya Press, 1968, hlm. 182.

118 *Minutes of Selangor Council*/1486/80, 6th Council Meeting Held at Langat, 1st May 1878.

119 SSF/CS 134/78, Conveys the Governor's Disapproval of the Proceedings Against the Tunku Panglima Raja.

120 *Straits Times Overland Journal*, 1 February 1879.

121 *Minutes of Selangor Council*/1486/80, 7th Council Meeting Hold at Langat, 25th May 1878.

122 *Minutes of Selangor Council*/1486/80, 10th Meeting of Council Held at Klang, 27th February 1879.

PENGLIBATAN TUNKU PANGLIMA RAJA BERKAT
DALAM POLITIK DAN PENTADBIRAN NEGERI SELANGOR PADA ABAD KE-19

Dalam Majlis Mesyuarat Negeri Selangor ke-11 pada 1 September 1879, Douglas membincangkan perkara mengenai pemajakan ladang di Selangor. Ahli Majlis Mesyuarat Negeri Selangor terdiri daripada Raja Muda Musa, Raja Kahar, Tunku Panglima Raja Berkat, dan D. D. Daly berbincang, dan bersetuju antara satu sama lain terhadap perkara tersebut.

Dalam perbincangan tersebut, Raja Muda Musa mencadangkan beberapa perkara mengenai pemajakan ladang di sini, dan perkara tersebut disokong oleh Tunku Panglima Raja Berkat. Cadangan tersebut adalah:

*In the case of securities for rental of farms, the council are of opinion that it would be almost impossible to adopt the same regulations as those in force in the Straits Settlements, the Council are of opinion that each farmer should pay into the Treasury one month's rent and enter into a bond with two sureties to the amount of two months' rent in the case of each farm for the due fulfilment of the contract.*¹²³

Dalam Majlis Mesyuarat Negeri Selangor ke-14 pada 25 Oktober 1879, ahli Majlis Mesyuarat Negeri Selangor yang hadir adalah Raja Muda Musa, Douglas, Daly, dan Tunku Panglima Raja Berkat. Dalam Majlis Mesyuarat Negeri Selangor ke-14, Raja Muda Musa mencadangkan:

*That the Kwala Lumpur farms should be leased to the Capitan China for one year ending the 31st December 1880 at \$2,000 per month to be regularly paid in advance, failing which the lease to be cancelled. That the other farms with the exception of the Bernam Opium farm should be leased for one year ending the December 1880, at the rates offered in the tender, but only in the event of the Captain China agreeing to give the amount proposed. That should the Captain China decline renting the Kwala Lumpur farms at the amount named, all the Opium farms to be abolished and the duty raised as carried by the first resolution. That the Resident in that case be authorised to make the best arrangements he can for gambling, spirit and pawnbroking farms.*¹²⁴

Cadangan tersebut disokong oleh Tunku Panglima Raja Berkat tetapi Douglas akan membincangkan perkara tersebut dengan lebih lanjut dengan kerajaan British di Singapura.¹²⁵

Dalam Majlis Mesyuarat Negeri Selangor ke-26, ahli Majlis Mesyuarat Negeri Selangor yang hadir adalah Raja Muda Musa, Douglas, Innes, Daly, Raja Hassan, dan Tunku Panglima Raja Berkat. Dalam Majlis Mesyuarat Negeri Selangor ke-26, Haji Samat menghantar petisyen kepada Douglas mengenai Imam berhak memonopoli dalam

¹²³ *Minutes of Selangor Council*/1486/80, 11th Meeting of Council Held at Klang, 1st September 1879.

¹²⁴ *Minutes of Selangor Council*/1486/80, 14th Meeting of the State Council Held at Jugra, 25th October 1879.

¹²⁵ SSF/RESIDENT 10/79, Informs Tunku Panglima Raja of a Meeting of Council at Klang to Consider Amendments to Existing Land Regulations.

penyembelihan kerbau.¹²⁶ Setelah dimaklumkan, Raja Muda Musa, dan disokong oleh Tunku Panglima Raja Berkat bahawa petisyen tersebut tidak perlu dilayan.

Dalam Majlis Mesyuarat Negeri Selangor ke-27 pada 26 Januari 1882, ahli Majlis Mesyuarat Negeri Selangor yang hadir adalah Raja Muda Musa, Douglas, Raja Kahar, Raja Hassan, Raja Laut, dan Tunku Panglima Raja Berkat. Dalam Majlis Mesyuarat Negeri Selangor ke-27, Raja Muda Musa, dan disokong oleh Tunku Panglima Raja Berkat menyatakan bahawa tidak terdapat seorang pun yang mendaftar bersekolah di Jugra.¹²⁷ Guru Besar sekolah tersebut diberi notis bahawa perkhidmatan beliau akan ditamatkan pada 1 Mac 1882.

Dalam Majlis Mesyuarat Negeri Selangor ke-35 pada 2 September 1883, ahli Majlis Mesyuarat Negeri Selangor yang hadir adalah Sultan Abdul Samad, Swettenham, Raja Muda Musa, Raja Kahar, Raja Laut, Tunku Panglima Raja Berkat, Syed Zin, Raja Hassan, dan Kapitan Cina. Dalam Majlis Mesyuarat Negeri Selangor ke-35, Swettenham membincangkan perkara mengenai jawatan penghulu di daerah Selangor. Swettenham berhasrat menyeragamkan sistem pentadbiran Selangor supaya lebih teratur. Antara yang dibincangkan:

*Penghulus should be required to keep up roads at their own expenses or not...that it is not intended that this apply to main roads made by Govt: whether cart roads or bridle paths; but to paths in the mukim made fore the convenience of the Residents, Chinese or Malays, which can be kept in order with very little exertion and at a very small expense.*¹²⁸

Berikutan kenyataan tersebut, Tunku Panglima Raja Berkat begitu setuju, dan berharap perkara tersebut dapat berjalan dengan lancar.

Dalam Majlis Mesyuarat Negeri Selangor ke-40 pada 16 Februari 1885, ahli Majlis Mesyuarat Negeri Selangor yang hadir adalah Sultan Abdul Samad, Rodger, Raja Suleiman, Tunku Panglima Raja Berkat, dan Syed Zin. Dalam Majlis Mesyuarat Negeri Selangor ke-40, mereka membincangkan perkara mengenai persempadanan antara Selangor dengan Sungai Ujong. Tunku Panglima Raja memaklumkan bahawa Raja Abdul Manan, putera beliau, dan penghulu Sepang, menetap di Bukit Pelanduk. Tambahan lagi, Tunku Panglima Raja Berkat memaklumkan bahawa Raja Mahmud, putera beliau, memiliki dusun buah-buahan di Bukit Pelanduk. Selepas Tunku Panglima Raja Berkat memaklumkan perkara tersebut, Rodger berjanji kepada beliau akan berbincang dengan Sir F. A. Weld, Gabenor Negeri-negeri Selat, tentang perkara ini.¹²⁹

126 *Minutes of Selangor Council*/1486/80, 26th Meeting of Council Jugra, December 6th 1881.

127 *Minutes of Selangor Council*/1486/80, 27th Meeting of Council, 20th January 1882.

128 *Minutes of Selangor Council*/1486/80, 35th Meeting of State Council Held at the Istana Bukit Jugra on Sunday, 2nd September 1883.

129 *Minutes of Selangor Council*/1486/80, 40th Meeting of the State Council Held at Jugra on Monday, February 16th 1885.

PENGLIBATAN TUNKU PANGLIMA RAJA BERKAT
DALAM POLITIK DAN PENTADBIRAN NEGERI SELANGOR PADA ABAD KE-19

Dalam Majlis Mesyuarat Negeri Selangor ke-56, pada 16 Julai 1887, Sultan Abdul Samad bersama-sama Rodger, Raja Suleiman, Raja Kahar, dan Raja Hassan berbincang mengenai kenaikan elaun terhadap kerabat diraja Selangor. Antaranya adalah Raja Suleiman ibni Raja Muda Musa, Raja Kahar ibni Sultan Abdul Samad, Raja Nusa ibni Sultan Abdul Samad, Raja Laut ibni Sultan Muhammad, Raja Mahmud ibni Sultan Muhammad, dan Tunku Panglima Raja Berkat bin Raja Husain.

Jadual: Elaun 1887 dan 1888

	<u>1887</u>	<u>1888</u>
	\$	\$
Raja Suleiman	3,600	4,800
Raja Kahar	1,200	1,800
Raja Nusa	600	900
Raja Laut	1,200	1,800
Raja Mahmud bin Sultan Mohamed	1,080	1,200
Tunku Panglima Raja Berkat	600	1,200 ¹³⁰

Dalam jadual ini, menunjukkan kenaikan elaun pada tahun 1888, berbanding elaun tahun 1887. Misalnya elaun Raja Suleiman, \$3,600 pada tahun 1887, dinaikkan ke \$4,800 pada tahun 1888; bertambah sebanyak \$1,200. Tunku Panglima Raja Berkat juga dinaikkan ke \$1,200 pada tahun 1888, berbanding \$600 pada tahun 1887. Kenaikan elaun Tunku Panglima Raja Berkat meningkat dua kali ganda pada tahun 1888.

Rodger bersetuju dengan kenaikan elaun tersebut, dan berkuat kuasa pada tahun 1888. Dalam pandangan Rodger terhadap kenaikan elaun Tunku Panglima Raja Berkat adalah beliau berpendapat bahawa Tunku Panglima Raja Berkat berkhidmat dengan Sultan Abdul Samad sudah begitu lama. Rodger turut menyatakan bahawa Tunku Panglima Raja Berkat berkhidmat sebagai Panglima Besar Selangor selama lebih dari 30 tahun. Sehubungan itu, Rodger menyatakan bahawa elaun tersebut adalah wajar dinaikkan kepada Tunku Panglima Raja Berkat. Ahli Majlis Mesyuarat Selangor turut bersetuju dengan pendapat Rodger tersebut. Namun begitu, Tunku Panglima Raja Berkat tidak sempat mendapat elaun tersebut kerana beliau mangkat pada 1 Disember 1887.¹³¹

Kesimpulan

Tunku Panglima Raja Berkat adalah seorang yang dipercayai oleh Sultan Abdul Samad, memainkan peranan beliau sebagai penghulu dengan baik, menerima pentadbiran British di Selangor, dan memberi kerjasama yang baik dengan pegawai British (1875-1887). Selama

130 *Minutes of Selangor Council*/1486/80, Minutes of the 56th Meeting of the State Council Held at Jugra on Saturday, July 16th, 1887.

131 *SSF/LANGAT 3036/87*, Reports That Death of Tunku Panglima Raja dan *SSF/Annual Report on the State of Selangor for the Year 1887*.

Tunku Panglima Raja Berkat dilantik sebagai penghulu Kanchong, beliau menjalankan tugasnya dengan baik.¹³² Antaranya, Tunku Panglima Raja Berkat membuka beberapa kebun buah-buahan, kawasan penanaman padi, dan membuka penempatan baru di Sepang. Menurut Bellamy, Tunku Panglima Raja Berkat rajin melaporkan keadaan di mukimnya kepada beliau.¹³³ Tunku Panglima Raja Berkat turut menjalankan peranan beliau sebagai ahli Majlis Mesyuarat Negeri Selangor dengan baik. Selama Tunku Panglima Raja Berkat dilantik sebagai ahli Majlis Mesyuarat Negeri Selangor (1877-1887), beliau sentiasa menyokong keputusan mesyuarat tersebut. Namun begitu, Tunku Panglima Raja Berkat menghadapi konflik dengan Douglas, dan tidak memainkan peranan sebagai penghulu Kanchong selama lapan bulan kerana menetap di Sepang. Walaupun Tunku Panglima Raja Berkat menghadapi masalah ini, beliau tidak menentang terhadap pentadbiran British di Selangor, dan gelaran beliau sebagai Tengku Panglima Besar Selangor tidak dilucutkan.

Pada pagi 1 Disember 1887, Tunku Panglima Raja Berkat mangkat secara mengejut, dan Bellamy mengarahkan pekerja perahu beliau mengambil Raja Lebar yang menetap di Sepang ke Jugra. Sultan Abdul Samad, kerabat diraja Selangor, dan penduduk tempatan di Kuala Langat merasakan kehilangan Tunku Panglima Raja Berkat.¹³⁴ Menurut Bellamy, Sultan Abdul Samad begitu sedih terhadap kemangkatan Tunku Panglima Raja Berkat, dan baginda menundakan upacara pertabalan Raja Sulaiman, putera Raja Muda Musa, dan cucunda baginda pada 10 Disember 1887 sebagai tanda hormat baginda kepada beliau.¹³⁵

Raja Lebar memohon bantuan kewangan sebanyak \$200 untuk menjalankan pengkebumian suaminya di Bukit Jugra. British bersetuju meminjamkan wang tersebut kepada Raja Lebar. Namun begitu, Bellamy menyatakan kepada Rodger bahawa beliau akan mengambil separuh daripada elaun Tunku Panglima Raja Berkat pada bulan Disember.¹³⁶ Bellamy akan berjumpa, dan memaklumkan kepada Raja Mahmud, dan Raja Abdul Manan mengenai pembayaran pinjaman tersebut. Seramai lebih kurang 1,000 orang menghadiri upacara pengkebumian Tunku Panglima Raja Berkat yang berlangsung pada tengahari 3 Disember 1887.

Raja Haji Mahmud berada di Pekan kerana berkhidmat sebagai pengawal Hugh Clifford, dan beliau berasa sangat kecewa. Menurut Clifford, beliau menyatakan bahawa:

*In the year 1888, I spent two nights awake by the side of Raja Haji Mahmud, with difficulty restraining him from running amok in the streets of Pekan, because his father died a natural death in Selangor.*¹³⁷

132 J. A. G. Campbell pernah memuji peranan Tunku Panglima Raja Berkat sebagai penghulu yang memuaskan. Untuk keterangan lanjut, lihat dalam SSF/LANGAT 333/84, Annual Report from Collector and Magistrate Langat for the Year 1883.

133 SSF/288/86, Annual Report on Langat District for 1885.

134 SSF/LANGAT 343/88, Annual Report for the K. Langat District During the Year 1887.

135 SSF/LANGAT 122/88, Official Journal for December 1887.

136 SSF/LANGAT 3054/87, Report that He has Granted a Loan \$200 to the widow of the late Tunku Panglima Raja.

137 Untuk keterangan lanjut, lihat dalam buku Hugh Clifford, *In Court and Kampong Being Tales and Sketches of Native Life in the Malay Peninsula*, London: The Richards Press Ltd., 1927, hlm. 79, beliau menyatakan Raja Haji Hamid. Namun begitu, menurut J. M. Gullick, *Malay Society in the Late Nineteenth Century*, Singapore: Oxford University Press, 1991, hlm. 83, beliau menyatakan Hugh Clifford membuat kesilapan. Sepatutnya, Raja Haji Mahmud, dan bukannya Raja Haji Hamid.

PENGLIBATAN TUNKU PANGLIMA RAJA BERKAT
DALAM POLITIK DAN PENTADBIRAN NEGERI SELANGOR PADA ABAD KE-19

Selepas Raja Mahmud dapat menerima kehilangan Tunku Panglima Raja Berkat, beliau pulang ke Selangor, dan dilantik sebagai Tengku Panglima Besar Selangor pada tahun 1889. Pelantikan tersebut dilaksanakan kerana British menyatakan bahawa Raja Mahmud adalah calon yang sesuai memakai gelaran tersebut.¹³⁸ Tambahan lagi, gelaran Tengku Panglima Besar pernah dijawab oleh Raja Berkat, ayahanda Raja Mahmud.¹³⁹ Sultan Abdul Samad memperkenankan jawatan tersebut kepada Raja Mahmud, dan memakai gelaran sebagai Tengku Panglima Besar Raja Haji Mahmud. Tengku Panglima Besar Raja Haji Mahmud mendapat elaun sebanyak \$100 sebulan.¹⁴⁰ Selain itu, pada tahun 1889, Tengku Panglima Besar Raja Haji Mahmud menuntut tanah ayahandanya di Jelutong, Sepang Kecil daripada Raja Daud.¹⁴¹

Raja Mon, menantu beliau, dan putera Raja Sulong dari kerabat diraja Bugis-Riau, dilantik sebagai penghulu Kanchong buat sementara waktu pada bulan 29 Mei 1888.¹⁴² Pada mulanya, Campbell mencadangkan bahawa Kanchong dimasukkan ke dalam daerah Sepang Kecil, dan akan diperintah oleh Raja Daud. Namun begitu, pada 22 April 1888, Campbell mencadangkan melantik Raja Mon sebagai penghulu Kanchong kerana terdapat perselisihan faham antara keluarga Tunku Panglima Raja Berkat dengan Raja Daud. Cadangan ini diterima, dan Raja Mon dilantik sebagai penghulu di Kanchong oleh Sultan Abdul Samad, dan British.¹⁴³ British menyatakan bahawa Raja Mon diberi peluang selama satu tahun untuk berkhidmat sebagai penghulu di Kanchong. British bertindak demikian kerana British berhasrat memilih, dan melantik penghulu yang rajin bekerja untuk membantu meningkatkan ekonomi negeri Selangor.

138 SSF/KL 1031/89, Recommends that Raja Mahmud be Appointed Tunku Panglima Besar with an Allowance of \$100 Per Month.

139 SSF/SECRETARIAT SELANGOR 4379/1919, Raja Haji Mahmud M. C.-Personal Name of His Father.

140 SSF/KL 1031/89, Recommends that Raja Mahmud be Appointed Tunku Panglima Besar with an Allowance of \$100 Per Month.

141 Raja Daud bin Raja Hussin dilantik sebagai penghulu Sepang Kecil pada tahun 1887. Pada 27 Ogos 1887, Raja Daud diberi surat kuasa sebagai penghulu, dan diperkenankan oleh Sultan Abdul Samad. Untuk keterangan lanjut, lihat dalam SSF/NATIVE 833/89, Regarding His Claim to Land at Julutong in Sepang Kechil, dan SSF/KL 1837/87, Kuasa for Raja Daud as Penghulu of Sepang Kecil.

142 Ketika Tunku Panglima Raja Berkat masih hidup, Raja Mon berkhidmat sebagai kerani beliau. Selepas kemangkatan Tunku Panglima Raja Berkat, Raja Mon menyatakan beliau masih berkhidmat sebagai kerani. Raja Mon berkahwin dengan Raja Chik, puteri Tunku Panglima Raja Berkat. Selepas Raja Mon dilantik sebagai penghulu sementara di Kanchong, beliau dilantik sebagai penghulu di Morib pada tahun 1889. Raja Mon dipuji oleh British kerana perkhidmatan beliau adalah memuaskan. Raja Mon mangkat pada hari Rabu, 7 Februari 1901. Raja Chik mangkat pada 16 November 1918. Untuk keterangan lanjut, lihat dalam SSF/LANGAT 725/88, Draws Attention to His Minute of 7th Feb. Re. The Appointment of Raja Mon as Schoolmaster at Jugra, SSF/LANGAT 774A/90, Forwards Letter from Raja Mon Re the Debts Due by the Late Tunku Panglima Raja, SSF/LANGAT 1071/88, Re Penghulu for Kanchong, SSF/K. LANGAT 4717/89, Recommends Raja Mon, Penghulu Morib for a Bonus of \$35 from Personal Services Allowance to Penghulu for Collection of Revenue, SSF/989/1901, Telegram 'Raja Mon Penghulu Morib Died Last Night', SSF/3438/1901, Authority to Pay Raja Hussin, Penghulu of Batu, the Salary due to the Late Raja Mon, Penghulu of Morib, SSF/3174/1902, Pension to Raja Chik binti Tunku Panglima Raja, Widow of Raja Mon Deceased, SSF/RESIDENCY 2176/1896, Raja Mon-Penghulu Morib (Kuala Langat), SSF/3327/1902, Pension to Raja Chik binti Tunku Panglima Raja dan SSF/Selangor 4695/1918, Death of Raja Chik binti Tunku Panglima Raja, Political Pensioner-Payment of Pension Due to Her Nephew, Raja Hussin.

143 SSF/LANGAT 380/89, Forwards Annual Report on the Kuala Langat District for the Year 1888.

Raja Bot dicadangkan, dan dilantik sebagai ahli baru dalam Majlis Mesyuarat Negeri Selangor pada 24 Ogos 1888.¹⁴⁴ Raja Bot, dan Tunku Panglima Raja Berkat mempunyai hubungan tali persaudaraan. Raja Jumaat, putera Raja Jaafar, dengan Raja Senai, puteri Sultan Muhammad, adalah ibu bapa Raja Bot. Hubungan Tunku Panglima Raja Berkat dengan Raja Senai adalah sepupu. Sehubungan itu, Raja Bot adalah anak saudara Tunku Panglima Raja Berkat.

144 Selepas kemangkatan Tunku Panglima Raja Berkat pada tahun 1887, Raja Bot dicadangkan sebagai pengganti beliau pada 24 Oktober 1888. Seterusnya, pada 31 Ogos 1888, cadangan tersebut diusahakan lagi. Untuk keterangan lanjut, lihat dalam *SSF/KL 2339/88*, Re The Advisability of Appointing a Member of Council Thro' the Death of Tunku Panglima Raja-Suggests that Raja Haji Bot May be Selected, *SSF/NATIVE 2453/88*. Ack'ges the Receipt of K. L. 2339/88 of 29 August Re. Election of Raja H. Bot to the Vacant Post as a Member of Council, *SSF/NATIVE 2649/88*, Ack'ges Letter of 8th Inst. Re. Election of Raja Bot as a Member of Council dan *Minutes of Selangor Council/1486/80*, Minutes of the 63rd Meeting of the State Council Held at Kuala Lumpur, December 18th, 1888.

PENGLIBATAN TUNKU PANGLIMA RAJA BERKAT
DALAM POLITIK DAN PENTADBIRAN NEGERI SELANGOR PADA ABAD KE-19

Lampiran

Makam Tengku Panglima Raja Berkat di Makam Diraja Selangor, Bukit Jugra, Kuala Langat.

